



Rujukan : UKM PDF/224/3

Tarikh : 3 Disember 2015

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL.12 /2015

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof Dato'/Tuan/Puan.

ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dipelawa mencalonkan nama yang sesuai untuk pertimbangan Universiti bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran (Perkhidmatan Awam) mengikut ketetapan Negeri-negeri seperti di **Lampiran 1**.

3. Calon (warganegara) yang telah disenarai pendek oleh PTJ mestilah **bersih daripada sebarang rekod tindakan disiplin dan tatatertib**. Senarai nama calon beserta iatar diri atau *resume* ringkas yang menggambarkan sumbangan / kecemerlangan calon kepada Negeri & Negara perlu dikemukakan kepada Puan Norazlin Hassim, **Eksekutif**, Bahagian Sumber Manusia sebelum atau pada **24 Disember 2015**. Hanya calon yang diperakukan oleh Universiti akan dikemukakan pencalonannya kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk tindakan seanjutnya.

4. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Noraziin Hassim di talian 03-8921 5635 / Puan Radhiah Abd. Rahman di talian 03-8921 5931.

Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan berbilang terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'

Salam hormat,

ABD RAZAK HUSSIN

Timbalan Pengarah Kanan

(Menjalankan tugas Pengarah Eksekutif Pentadbiran)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 e-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

**SENARAI PENCALONAN ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN
TAHUN 2016**

(a) Staf Akademik

Bil	Nama	Nombor Pekerja	Fakulti	Cadangan pencalonan negeri	Latar Diri (✓)
1					
2					
3					
4					
5					

(b) Pengurusan & Profesional

Bil	Nama	Nombor Pekerja	Fakulti	Cadangan pencalonan negeri	Latar Diri (✓)
1					
2					
3					
4					
5					

(c) Staf sokongan

Bil	Nama	Nombor Pekerja	Fakulti	Cadangan pencalonan negeri	Latar Diri (✓)
1					
2					
3					
4					
5					

LAMPIRAN 1

KALENDAR HARI KEPUTERAAN NEGERI, PERSEKUTUAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL.	NEGERI	HARI KEPUTERAAN												
		JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER	
1.	PERSEKUTUAN													
2.	PERLIS					17 Mei								
3.	KEDAH	18 Januari												
4.	PULAU PINANG						11 Julai							
5.	JOHOR											22 November		
6.	PERAK											27 November		
7.	KELANTAN											11-12 November		
8.	NEGERI SEMBILAN	14 Januari												
9.	MELAKA													
10.	TERENGGANU				26 April							10 Oktober		
11.	PAHANG											24 Oktober		
12.	SELANGOR													11 Disember
13.	SARAWAK													
14.	SABAH									12 September				
15.	WILAYAH PERSEKUTUAN											3 Oktober		

WILAYAH PERSEKUTUAN

SUSUNAN KEUTAMAAN DKBPP

Pencalonan adalah untuk DKBPP yang **lebih tinggi** daripada DKBPP yang pernah diterima oleh calon berdasarkan Susunan Keutamaan DKBPP berikut:

Bil.	DKBPP	Ringkasan
1.	Seri Pahlawan Gagah Perkasa	S.P.
2.	Darjah Kerabat Diraja Malaysia	D.K.M.
3.	Darjah Utama Seri Mahkota Negara	D.M.N.
4.	Seri Maharaja Mangku Negara	S.M.N.
5.	Seri Setia Mahkota Malaysia	S.S.M.
6.	Darjah Bakti	D.B.
7.	Panglima Mangku Negara	P.M.N.
8.	Panglima Setia Mahkota	P.S.M.
9.	Panglima Jasa Negara	P.J.N.
10.	Panglima Setia Diraja	P.S.D.
11.	Johan Mangku Negara	J.M.N.
12.	Johan Setia Mahkota	J.S.M.
13.	Johan Setia Diraja	J.S.D.
14.	Kesatria Mangku Negara	K.M.N.
15.	Kesatria Setia Diraja	K.S.D.
16.	Ahli Mangku Negara	A.M.N.
17.	Pingat Pangkuan Negara	P.P.N.
18.	Bentara Setia Diraja	B.S.D.
19.	Panglima Gagah Berani	P.G.B.
20.	Jasa Perkasa Persekutuan	J.P.P.
21.	Pingat Tentera Udara	P.T.U.
22.	Pingat Kebaktian	P.K.
23.	Pingat Khidmat Berbakti	P.K.B.
24.	Pingat Perkhidmatan Setia	P.P.S.
25.	Kepujian Perutusan Keberanian	K.P.K.
26.	Pingat Perkhidmatan Am	P.P.A.
27.	Pingat Peringatan Malaysia	P.P.M.
28.	Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu	P.N.B.B.
29.	Pingat Jasa Malaysia	P.J.M.
30.	Pingat Pertabalan	-

DKBPP ini tidak dibuka untuk pencalonan

MAKLUMAT RINGKAS DKBPP

1. Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.)

- (i) Bintang Kehormatan ini dikurniakan kepada sesiapa juga yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani dan penuh pengorbanan.
- (ii) Seseorang yang menerima anugerah ini layak untuk mendapat elaun kenangan berjumlah RM2,000.00 sebulan. Bagi anugerah *posthumous*, elaun kenangan akan dibayar kepada waris kadim sekaligus berjumlah RM 20,000.00.
- (iii) Penerima pertama S.P. ialah mendiang Veloo a/l Rajavelu pada tahun 1963. Beliau dianugerahkan kerana keberanian dan semangat kemasyarakatan dalam membanteras rompakan di Klang pada Ogos 1962 sehingga mengorbankan nyawanya.

2. Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)

- (i) Darjah Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang telah berbuat jasa yang cemerlang kepada negara selama beberapa waktu dengan penuh tanggungjawab dan mereka ini mempunyai kedudukan yang tinggi serta berpengaruh.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'TUN'.

3. Seri Setia Mahkota (S.S.M.)

- (i) Darjah Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia ini dikurniakan kepada mereka yang telah banyak berbuat jasa yang cemerlang kepada Negara dengan penuh tanggungjawab dan berpengaruh serta bertaraf tinggi kedudukannya.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'TUN'.

4. Darjah Bakti (D.B.)

- (i) Darjah ini dikurniakan kepada rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan dalam semua bidang seperti bidang seni, sains dan kemanusiaan, dan telah mempunyai nama yang masyhur di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.
- (ii) Darjah ini telah dikurniakan kepada YBhg. Dato' Nicol Ann David, ratu

squash negara dan YBhg. Dato' Lee Chong Wei, jaguh badminton negara.

-

-

5. Panglima Mangku Negara (P.M.N.)

- (i) Darjah Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya serta terkenal kerana perkhidmatan cemerlang mereka kepada Negara dalam apa jua lapangan.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'TAN SRI'.

6. Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)

- (i) Darjah Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'TAN SRI'.

7. Panglima Jasa Negara (P.J.N.)

- (i) Darjah Pangkat Pertama kepada Darjah Yang Mulia Jasa Negara ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'DATUK'.

8. Panglima Setia Diraja (P.S.D.)

- (i) Darjah Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
- (ii) Pengurniaan Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'DATUK'.

9. Johan Mangku Negara (J.M.N.)

- (i) Darjah Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada negara.

10. Johan Setia Mahkota (J.S.M.)

- (i) Darjah Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada Negara.

11. Johan Setia Diraja (J.S.D.)

- (i) Darjah Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan khidmat dan jasa yang cemerlang serta taat setia yang tinggi kepada institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

12. Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa tinggi kepada Negara dalam apa jua lapangan.

13. Kesatria Setia Diraja (K.S.D.)

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah mempersembahkan jasa yang cemerlang kepada institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

14. Ahli Mangku Negara (A.M.N.)

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa yang cemerlang. Sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan adalah yang lebih daripada yang sepatutnya.

15. Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)

- (i) Pingat ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan

kecemerlangan dan kesetiaan terhadap perkhidmatan dan Negara dalam apa juga lapangan.

16. Bentara Setia Diraja (B.S.D.)

- (i) Pingat ini dikurniakan kepada mereka yang mempersembahkan khidmat dengan bersungguh-sungguh dan setia kepada institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

17. Panglima Gagah Berani (PGB)

- (i) Bintang Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa sewaktu menghadapi musuh tanpa memikirkan keselamatan diri serta boleh dikurniakan kepada mereka yang telah meninggal dunia (*posthumous*).
- (ii) Seseorang yang menerima anugerah ini layak untuk mendapat elaun kenangan berjumlah RM1,500.00 sebulan. Bagi anugerah *posthumous*, elaun kenangan akan dibayar kepada waris kadim sekaligus berjumlah RM15,000.00.
- (iii) Antara penerima pertama P.G.B. ialah YBhg. Leftenan Datuk Abdul Rahman bin Haji Khamis (B) pada tahun 1958. Beliau dikurniakan bintang ini kerana keberanian, kemahiran dan kepakaran luar biasa dalam operasi menentang kegiatan komunis sekitar tahun 1957.

18. Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P.)

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian luar biasa tanpa berhadapan dengan musuh. Pingat ini boleh dikurniakan walaupun seseorang itu telah meninggal dunia (*posthumous*).

- (ii) Antara penerima pertama JPP ialah mendiang Koperal Penyiasat Choo Chan dari Cawangan Khas Perak pada tahun 1958. Beliau dikurniakan bintang ini kerana keberanian dalam banyak operasi khas dan juga ketika menyerang kem musuh.
- (iii) Seseorang yang menerima anugerah ini layak untuk mendapat Elaun Kenangan berjumlah RM1,000.00 sebulan. Bagi anugerah *posthumous*, elaun kenangan akan dibayar kepada waris kadim sekaligus berjumlah RM10,000.00.

19. Pingat Tentera Udara (P.T.U.)

- (i) Pingat ini dikurniakan kerana keperwiraan, keberanian atau taat setia yang teristimewa yang ditunjukkan oleh anggota-anggota Tentera Udara Diraja Malaysia semasa menjalankan tugas di dalam dan di luar operasi penerbangan. Pingat ini boleh dikurniakan walaupun seseorang itu telah meninggal dunia.
- (ii) Seseorang yang menerima anugerah ini layak untuk mendapat Elaun Kenangan berjumlah RM1,000.00 sebulan. Bagi anugerah *posthumous*, elaun kenangan akan dibayar kepada waris kadim sekaligus berjumlah RM10,000.00.
- (iii) Pengurniaan Pingat PTU telah dihentikan pada Tahun 2011 dan calon yang layak boleh dipertimbangkan untuk pengurniaan Pingat JPP mengikut syarat yang telah ditetapkan.

29. Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K.)

- (i) Anugerah ini dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang telah menunjukkan sesuatu yang dianggap gagah atau berani dan patut diiktiraf, akan tetapi taraf keberanian tidaklah sebegitu tinggi untuk dikurniakan sesuatu Pingat. Lambang ini boleh dikurniakan walaupun seseorang itu telah meninggal dunia.

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN OKBPP

KRITERIA	S.M.N.	S.S.M.
1. Jawatan/ Taraf	<ul style="list-style-type: none"> ❖ TYT Yang di-Pertua Negeri ❖ Bekas Perdana Menteri 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bekas Timbalan Perdana Menteri ❖ Ketua Hakim Negara
2. Pentadbiran & Profesionai		
a) Gred Jawatan	-	-
b) Umur	-	-
c) Tempoh Khidmat	-	-
3. Tentera	-	-
4. Poiis	-	-
5. Swasta	-	-
b) Umur	-	-
c) Tempoh Khidmat	-	-
6. Ahii Politik	-	-
a) Jawatan		
b) Umur	-	-
c) Tempoh Pengllhatan	-	-

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN OKBPP

KRITERIA	P.M.N.	P.S.M.
1. Jawatan/ Taraf	<ul style="list-style-type: none"> ❖ YDP Dewan Negara ❖ YDP Dewan Rakyat ❖ Bekas Menteri (Kanan) ❖ Ketua Setiausaha Negara ❖ Peguam Negara ❖ Pangiima Angkatan Tentera (PAT) ❖ Ketua Polis Negara (KPN) 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ❖ Bekas Menteri ❖ Presiden Mahkamah Rayuan ❖ Hakim Besar Malaya ❖ Hakim Besar Sabah/ Sarawak ❖ Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan ❖ Hakim-hakim Mahkamah Rayuan
2. Pentadbiran & Profesionai	-	-
a) Gred Jawatan	-	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Gred Utama Turus I, II ❖ Gred Utama Turus iil (Kanan)
b) Umur		<i>Melebihi 50 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	-	<i>Melebihi 25 tahun</i>
3. Tentera	-	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Panglima Tentera Darat ❖ Panglima Tentera Laut ❖ Pangiima Tentera Udara
4. Polis	-	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Timhaian Ketua Polis Negara (DiG)
5. Swasta	-	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pengerusi/ Presiden Syarikat Utama
b) Umur	-	<i>Melebihi 50 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	-	<i>Melebihi 25 tahun</i>
6. Ahli Politik	<ul style="list-style-type: none"> ❖ YDP Dewan Negara ❖ YDP Dewan Rakyat ❖ Bekas Menteri (Kanan) ❖ Bekas Presiden Parti Komponen Utama 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bekas Menteri ❖ Bekas Menteri Besar ❖ Bekas Ketua Menteri
a) Jawatan		
b) Umur	<i>Melebihi 50 tahun</i>	<i>Melebihi 50 tahun</i>
c) Tempoh Penglibatan	<i>Melebihi 15 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN OKBPP

KRITERIA	P.J.N.	P.S.D.
1. Jawatan/ Taraf	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bekas Timbalan Menteri ❖ Timbalan YDP Dewan Negara/ Rakyat ❖ Bekas SUPAR ❖ Mufti 	❖ Terlibat secara langsung dengan tugas herkaitan Institusi SPB Yang Agong di-Pertuan
2. Pentadbiran & Profesional	-	-
a) Gred Jawatan	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Gred Utama Turus III ❖ Gred Utama/ Khas A (Kanan) 	-
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	-
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 20 tahun</i>	<i>5 tahun</i>
3. Tentera	❖ Penjawat 4 Bintang	
4. Polis	❖ Pesuruhjaya Polis (CP) Kanan	-
5. Swasta	❖ Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Utama	
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	-
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 20 tahun</i>	<i>5 tahun</i>
6. Ahli Politik	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bekas Timbalan Menteri ❖ Timbaian YDP Dewan Negara/ Rakyat ❖ Ahli Parlimen ❖ Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) 	-
a) Jawatan		
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	-
c) Tempoh Penglibatan	<i>Melebihi 15 tahun</i>	<i>5 tahun</i>

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN OKBPP

KRITERIA	J.M.N.	J.S.M.
1. Jawatan/ Taraf	-	-

2. Pentadbiran & Profesional	-	-
a) Gred Jawatan	❖ Gred Utama/ Khas A dan B	❖ Gred Utama/ Khas C
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	<i>Melebihi 45 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 15 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>
3. Tentera	❖ Lt. Jeneral ❖ Laksamana Madya	❖ Mej. Jeneral ❖ Laksamana Muda ❖ Brig. Jenerai ❖ Laksamana Pertama
4. Polis	❖ Pesuruhjaya Polis (CP)	❖ Timbalian Pesuruhjaya Polis (DCP) ❖ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC)
5. Swasta	-	-
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	-
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 15 tahun</i>	-
6. Ahli Politik	❖ Pengerusi Perhubungan Parti Peringkat Negeri ❖ Ahli Parlimen ❖ Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)	❖ Ahli Dewan Undangan Negeri
a) Jawatan		
b) Umur	<i>Melebihi 45 tahun</i>	<i>Melebihi 45 tahun</i>
c) Tempoh Penglibatan	<i>Melebihi 15 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN OKBPP

KRITERIA	J.S.D./ K.S.D./ B.S.D.	K.M.N.
1. Jawatan/ Taraf	❖ Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong	-
2. Pentadbiran & Profesional		
a) Gred Jawatan	-	❖ Gred 53-54 ❖ Gred 45-52 (Kanan) ❖ Prof. Madya

b) Umur	-	<i>Melebihi 45 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	<i>5 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>
3. Tentera		❖ Kolonel ❖ Kapten (L) ❖ Lt. Kolonel ❖ Komander (L)
4. Polis	-	❖ Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP)
5. Swasta		-
b) Umur	-	<i>Melebihi 45 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	<i>5 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>
6. Ahli Politik		❖ AJK Perhubungan Parti Peringkat Negeri
a) Jawatan	-	
b) Umur	-	<i>Melebihi 45 tahun</i>
c) Tempoh Penglibatan	<i>5 tahun</i>	<i>Melebihi 15 tahun</i>

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN DKBPP

KRITERIA	A.M.N.	P.P.N.
1. Jawatan/ Taraf	❖ Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong	-
2. Pentadbiran & Profesional		
a) Gred Jawatan	❖ Gred 41-52 ❖ Gred 33-40 (Kanan)	❖ Gred 32 dan ke bawah
b) Umur	<i>Melebihi 40 tahun</i>	<i>Melebihi 35 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 10 tahun</i>	<i>Melebihi 10 tahun</i>
3. Tentera	❖ Mejar ❖ Lt. Komander (L) ❖ Kapten	❖ Lain-lain Pangkat

4. Polis	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Leftenan ❖ Leftenan Madya (L) ❖ Leftenan Muda ❖ Penguasa Pclis (Supt) ❖ Timbalan Penguasa Polis (DSP) ❖ Penolong Penguasa Polis (ASP) ❖ Ketua Inspektor ❖ Inspektcr 	❖ Lain-lain Pangkat
5. Swasta	-	-
b) Umur	<i>Meleblhi 40 tahun</i>	<i>Melebihi 35 tahun</i>
c) Tempoh Khidmat	<i>Melebihi 10 tahun</i>	<i>Meieblhi 10 tahun</i>
6. Ahli Politik	❖ AJK Parti Peringkat Bahagian	❖ AJK Parti Peringkat Cawangan (Kanan)
a) Jawatan		
b) Umur	<i>Melebihi 40 tahun</i>	<i>Melebihi 35 tahun</i>
c) Tempoh Penglibatan	<i>Melebihi 10 tahun</i>	<i>Melebihi 10 tahun</i>

PANDUAN MENGISI BORANG PENCALONAN DKBPP TAHUN 2016

1. Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang mengikut kategori-kategori pencalonan seperti berikut :

Kategori Pencalonan	Borang
Perkhidmatan Awam	A
Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun	B
Swasta/Persatuan/ Sukarela/ Sukan	C
Warganegara Asing	D
Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia	E
Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia	F
Pertubuhan Politik	G

2. Borang-borang pencalonan hendaklah **diisi dengan lengkap dan tepat** oleh pencadang dan **dirahsiakan daripada calon**.
3. Setiap borang pencalonan hendaklah dikemukakan dalam **dua salinan** dan dihantar kepada pihak urusetia Jawatankuasa Tetap DKBPP **sebelum tarikh tutup pencalonan iaitu 27 November 2015 (Jumaat)**.
4. Pencalonan yang dihantar **selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan dipertimbangkan** dan akan diminta mengemukakan pencalonan untuk tahun berikutnya.
5. Asas pencalonan ringkas hendaklah disertakan bersama dengan menggunakan format seperti di **LAMPIRAN '1'**.
6. Jika jumlah pencalonan melebihi dua orang, senarai ringkasan maklumat calon-calon tersebut hendaklah disertakan seperti contoh berikut:

-
-
-
-
-

Contoh

**SENARAI NAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG
DICADANGKAN UNTUK PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT PERSEKUTUAN TAHUN 2016**

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BIL.	NAMA/ JAWATAN	NO. K/P LAMA/ BARU	KURNIAAN
1.	YBhg. Dato' Lim Soo in Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya	1234567/ 520505- 04-5355	PJN
2.	Puan Sarah Ganeson Pengarah Bahagian Saraan Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan	0199924/ 570728- 06-5164	JMN
3.	Encik Yeo Eng Seng Pengarah Bahagian Kewangan Jabatan Kerja Raya	4235675/ 590506- 07-5929	JMN

4.	Encik Alim bin Busu SUB Bahagian ICT Jabatan Kerja Raya	2345687/ 560830- 12-4146	KMN
5.	Puan Seieha bte Amat Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya	2460728/ 690612- 08-5328	AMN

7. Pencalonan Kategori Perkhidmatan Awam

- Pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah Kategori Perkhidmatan Awam hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** masing-masing.
- Kementerian hendaklah memastikan calon-calon yang dikemukakan **bersih daripada sebarang rekod tindakan disiplin dan tatatertib** dan benar-benar layak untuk dipertimbangkan.
- Pencalonan bagi **Perkhidmatan Gunasama**
 - **Peringkat negeri:**
Pencalonan hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan di peringkat negeri dan disokong oleh Ketua Perkhidmatan sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan
 - **Peringkat Kementerian/ Jabatan Persekutuan:**
Pencalonan hendaklah dibuat oleh Pegawai yang tarafnya tidak rendah daripada Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian atau yang setaraf dengannya dan disokong oleh Ketua Perkhidmatan sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan
- Pencalonan pengurniaan **Darjah Kebesaran Persekutuan** hendaklah mendapat sokongan YB Menteri/ YAB Menteri Besar/ YAB Ketua Menteri yang berkaitan.

8. Pencalonan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun

- Pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah Kategori Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** di mana masing-masing bernaung.
- Syarat-syarat lain adalah sama seperti Kategori Perkhidmatan Awam.

9. **Pencalonan Kategori Swasta/ Persatuan/ Sukarela/ Sukan**

- Pencalonan individu di bawah kategori swasta/ persatuan/ sukarela/ sukan hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** yang mana individu tersebut terlibat secara langsung dalam memberi khidmat bakti, sumbangan dan jasa.
- Individu yang merupakan pegawai atau kakitangan Awam/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun dan dicalonkan di bawah kategori ini **wajib** mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu.

10. **Pencalonan Kategori Warganegara Asing**

- Pencalonan warganegara asing hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** yang mana individu tersebut terlibat secara langsung dalam memberi khidmat, sumbangan dan jasa.
- Maklumat penting seperti **Nombor Pasport/nombor pemastautin tetap dan negara asal warganegara asing** tersebut hendaklah disertakan dengan lengkap dan tepat untuk membolehkan urusan pencalonan dilaksanakan sewajarnya.

11. **Pencalonan Kategori Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia**

- Pencalonan bagi kategori ini hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan melalui Urusetia Jawatankuasa Khas Pemilihan DKBPP yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera.
- Setiap pencalonan **diwajibkan** untuk menyertakan sekali **No. Kad Pengenalan Awam.**

12. Pencalonan Kategori Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia

- Pencalonan bagi kategori ini hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan melalui Urusetia Jawatankuasa Khas Pemilihan DKBPP yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara.
- Setiap pencalonan **diwajibkan** untuk menyertakan sekali **No. Kad Pengenalan Awam.**

13. Pencalonan Kategori Pertubuhan Politik

- Pencalonan bagi kategori ini hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan melalui Setiausaha Agung Parti masing-masing bagi diperakukan oleh Jawatankuasa Khas Pemilihan DKBPP yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional.
14. Keutamaan hendaklah diberi kepada calon-calon yang belum menerima sebarang DKBPP tetapi telah banyak berbakti kepada negara.
15. Pencadang hendaklah memastikan bahawa individu yang dicalonkan **belum dikurniakan** dengan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang dicadangkan atau kurniaan yang lebih rendah daripada yang telah diterima.
16. Seseorang yang telah menerima DKBPP hanya boleh dicalonkan semula **selepas tiga (3) tahun** kurniaan terdahulu.
17. Jawatankuasa Tetap DKBPP berhak memperakukan DKBPP yang lebih rendah atau menggugurkan pencalonan jika didapati DKBPP yang dicadangkan adalah tidak setaraf dengan jawatan/ sumbangan calon-calon.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Urus setia Jawatankuasa Tetap DKBPP

Nombor telefon :

1. 03-8872 6639
2. 03-8872 6640
3. 03-8872 6641
4. 03-8872 6642
5. 03-8872 6643

No. Faks : **03-8888 3981**

Laman Web Rasmi : **www.istiadat.gov.my**

Alamat :

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

PERAK

Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Anugerah Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Darjah Kebesaran Negeri Perak, setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan akan dikurniakan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada Negeri Perak khususnya dan Negara Malaysia amnya dengan Darjah-darjah Kebesaran Negeri Perak. Tujuan kurniaan ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menghargai perkhidmatan cemerlang mereka, sama ada pegawai-pegawai kerajaan atau orang-orang awam.
2. Untuk menghargai perkhidmatan gagah berani oleh ahli-ahli pasukan bersenjata atau orang-orang awam.
3. Untuk mengurniakan Pingat-pingat bagi khidmat berbakti dan khidmat perkasa untuk ahli-ahli pasukan bersenjata, polis dan pasukan-pasukan sukarela.

DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT-PINGAT

Darjah-darjah Kebesaran yang akan dikurniakan kepada orang-orang yang tersebut di atas kerana perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Perak khususnya, dan Malaysia amnya, adalah seperti berikut:-

1. DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (D.K.)

Kurniaan dikhas kepada Raja Pemerintah, Raja Permaisuri dan Bakal Sultan Negeri Perak.

2. DARJAH KERABAT SERI PADUKA SULAN AZLAN SHAH PERAK YANG DIHORMATI (D.K.S.A.)

Kurniaan dikhas kepada ahli-ahli keluarga Diraja.

3. DARJAH KEBESARAN SERI PADUKA SULTAN AZLAN SHAH PERAK YANG AMAT DIMULIA (S.P.S.A.)

Darjah kebesaran yang bergelar "Dato' Seri DiRaja" dikurniakan sebagai suatu penghormatan yang amat istimewa, mempunyai kedudukan yang amat berpengaruh dan bertanggungjawab.

4. DARJAH YANG AMAT MULIA PADUKA CURA SI MANJA KINI:

Ini ialah Darjah Kebesaran yang utama bagi kebaktian dan bertujuan bagi menghargai perkhidmatan-perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Perak khususnya dan Malaysia amnya. Darjah ini mempunyai empat peringkat. Nama tiap-tiap peringkat dan jumlah had ramainya ahli-ahli bagi satu-satu peringkat adalah seperti berikut:-

i. DARJAH SERI PADUKA CURA SI MANJA KINI (S.P.C.M.)

Darjah kebesaran yang bergelar "Dato' Seri" Peringkat Pertama dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa menandakan rekod kejayaan besar yang telah dicapai dan kepada mereka yang telah menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri ini. Penganugerahan Peringkat Pertama ini adalah terhad kepada 30 penerima sahaja.

Kolar bagi Pangkat Pertama Darjah ini ialah Lambang Negeri yang bersambung dengan Lambang Senjata di-Raja Bintangnya mempunyai lapan penjuru yang disalut perak dengan bayangan, bergaris pada pusat 8.9 sentimeter, di tengah-tengahnya timbul dengan lambang senjata di Raja dan cogankata Darjah "KEPADA ALLAH BERSERAH". Selepang yang dipakai bersama dengan Darjah ini ialah berwarna putih, hijau tua dan kuning dengan jejalur yang seimbang dengan kelebarannya dan berbeza mengikut Pangkat Darjah ini.

ii. DARJAH DATO' PADUKA CURA SI MANJA KINI (D.P.C.M.)

Peringkat Kedua Darjah Kebesaran Cura Si Manja Kini dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan profesional dan telah mencapai sekurang-kurangnya Gred 54.

Darjah Pangkat Kedua ini tiada mempunyai kolar tetapi bintang adalah sama dengan Pangkat Pertama kecuali garisan pusatnya ialah 7.6 sentimeter. Lencana Darjah ini juga sama dengan Bintang Darjah kecuali saiznya adalah terlebih kecil dari lencana pangkat yang lebih tinggi. Penganugerahan peringkat kedua ini adalah terhad kepada 70 orang sahaja dan penerimanya menikmati dengan panggilan Dato'.

iii. **DARJAH PADUKA CURA SI MANJA KINI (P.C.M.)**

Dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan profesional yang menyandang pangkat tidak rendah dari Gred 2 atau setaraf dengannya; dan kepada anggota-anggota pasukan tentera dan polis yang berpangkat Kolonel (Tentera Darat), Kapten (tentera Laut, Kolonel Udara (Tentera Udara), Penolong Pesuruhjaya (Pasukan Polis) dan ke atas.

Kurniaan Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (P.C.M.) diberi kepada mereka yang berkelayakan lebih mutunya daripada Darjah Paduka Mahkota Perak. Penerima penganugerahan ketiga ini terhad kepada 100 orang sahaja.

iv. **DARJAH AHLI CURA SI MANJA KINI (A.C.M.)**

Peringkat Ke-4 Darjah Kebesaran Cura Si Manja Kini dan dikurniakan kepada mereka yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri dan kepada pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya dalam kumpulan pengurusan dan profesional Gred 41.

Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera dan polis yang berpangkat Leftenan Kolonel (Tentera Darat), Komander (tentera Laut), Leftenan Kolonel Udara (tentera Udara), Penguasa (Pasukan Polis) dan ke atas.

Darjah Paduka Cura Si Manja Kini adalah terkanan daripada Darjah bagi kelas yang sama daripada Darjah Paduka Mahkota Perak dan walaupun kelayakan bagi Darjah Cura Si Manja Kini sama dengan kelayakan Paduka Mahkota Perak, kurniaan kepada Darjah Paduka Cura Si Manja Kini hendaklah berdasarkan pada kelayakan yang lebih bermutu daripada kelayakan Darjah Paduka Mahkota Perak.

5. **DARJAH YANG AMAT PERKASA TAMING SARI**

Darjah Yang Amat Perkasa Taming Sari diwujudkan dalam enam tingkatan pangkat dan bertujuan untuk dihaskan kepada anggota-anggota Pasukan Bersenjata dan Polis yang berkhidmat mempertahankan keselamatan negara. Dengan adanya Darjah Kebesaran ini, maka semua anggota Pasukan Bersenjata dan Polis tidak lagi ditimbangkan bagi kurniaan Darjah-darjah Kebesaran yang sedia ada iaitu Cura Si Manja Kini dan Darjah Mahkota Perak.

Darjah Kebesaran Taming Sari Negeri Perak Yang Amat Perkasa dibahagikan kepada enam peringkat Darjah:-

i. **DARJAH DATO' SERI PANGLIMA TAMING SARI (S.P.T.S.)**

Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera yang berpangkat Leftenan Jeneral ke atas dan kepada anggota-anggota pasukan polis yang berpangkat Timbalan Ketua Polis Negara ke atas. Terhad kepada 10 penerima sahaja dengan panggilan Dato' Seri Panglima.

ii. **DARJAH DATO' PAHLAWAN TAMING SARI (D.P.T.S.)**

Penerima darjah ini terhad kepada 30 sahaja dan menikmati dengan panggilan Dato' Pahlawan. Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera yang berpangkat Brigedier Jeneral hingga Mejar Jeneral dan kepada anggota-anggota pasukan polis yang berpangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya hingga Timbalan Pesuruhjaya.

iii. **PERWIRA TAMING SARI (P.T.S.)**

Terhad kepada 75 penerima dan dikurniakan kepada Pegawai Tentera berpangkat Mejar hingga Kolonel dan Pasukan Polis yang berpangkat Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis.

iv. **HULUBALANG TAMING SARI (H.T.S.)**

Terhad kepada 100 penerima dan dikurniakan kepada Pegawai Tentera berpangkat Leftenan Muda hingga Kapten dan Pasukan Polis yang berpangkat Inspektor hingga Penolong Penguasa Polis.

v. **KESATRIA TAMING SARI (K.T.S.)**

Bilangan penerima tidak terhad dan dikurniakan kepada Pegawai Tentera yang berpangkat Sarjan hingga Pegawai Waran dan Pasukan Polis dari Sarjan hingga Sub-Inspektor.

vi. **PERAJURIT TAMING SARI (A.T.S)**

Bilangan penerima tidak terhad dan dikurniakan kepada yang berpangkat Prebet hingga Kopral di dalam kedua-dua Tentera dan Polis.

KOLAR Darjah ini ialah sumbangan Keris Darjah, Daun Lambang Darjah dan Bintang Kebesaran di-Raja. Bintang Pangkat Pertama dan Pangkat Kedua Darjah ini adalah sama dari segi rupa kecuali saiznya sahaja yang berbeza. Bintangnya ialah bintang lapan penjurus disalut perak dengan bayangan, bergaris 8.9 sm (7.6 sm bagi Bintang Pangkat Kedua Darjah) dengan dikelilingi garisan merah yang mana di tengahnya berwarna putih, timbul dengan Keris Taming Sari dan sarungnya. Lambangnya bertulis dalam tulisan Jawi "KEPADA ALLAH DAN NEGARA". Pada sebelah atas hulu yang timbul ialah Pedang Cura Si Manja Kini disalut dengan Bintang Kebesaran di-Raja.

Lencana Darjah ini ialah ukiran sejambak daun dibuat daripada perak, di tengah-tengahnya ialah merah di mana diselitkan Keris Taming Sari dan sarungnya. Di bahagian atasnya ialah ukiran reben putih yang dibuat daripada perak dan diukir cogankata Darjah. Lencana ini digantung di leher dengan KOLAR Darjah lebarnya 5 sm.

SELEPANG yang dipakai berwarna putih, kuning, merah dan hijau. Kelebaran bagi Selempang Pangkat Pertama ialah 9.5 sm dan 8.9 sm bagi Pangkat Kedua, dengan jejalur warna yang seimbang.

6. **DARJAH YANG AMAT MULIA PADUKA MAHKOTA PERAK**

Darjah ini mempunyai empat peringkat:-

i. **DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA PERAK (S.P.M.P.)**

Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera yang berpangkat Leftenan Jeneral ke atas dan kepada anggota-anggota pasukan polis yang berpangkat Timbalan Ketua Polis Negara ke atas. Terhad kepada 10 penerima sahaja dengan panggilan Dato' Seri Panglima.

ii. **DARJAH DATO' PADUKA MAHKOTA PERAK (D.P.M.P.)**

Peringkat Kedua Darjah Kebesaran Mahkota Perak. Syarat-syarat penerimaannya sama dengan kelayakan D.P.C.M. Penerima darjah ini terhad kepada 100 ahli, adalah dimaksudkan bagi mereka yang mempunyai kedudukan tinggi yang terkenal kepada perkhidmatan cemerlangnya kepada Negeri ini dalam apa-apa jua lapangan kehidupan. Untuk melayakkan mendapat kurniaan ini maka lazimnya mereka mestilah mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang-bidang kegiatan tertentu dengan menggunakannya bagi kebaikan Negeri. Untuk melayakkan mendapat pertimbangan maka kakitangan-kakitangan awam lazimnya mestilah di dalam Bahagian I dalam Perkhidmatan Awam dan telah mencapai sekurang-kurangnya pangkat Tingkatan Tertinggi 'F'.

iii. **DARJAH PADUKA MAHKOTA PERAK (P.M.P.)**

Darjah ini terhad kepada 175 ahli, adalah dimaksudkan sebagai kurniaan kepada mereka yang telah banyak memberikan jasa kepada Negeri ini, yang mana walaupun tidak sebegini tinggi mutunya, sebagai dikehendaki bagi Peringkat Kedua, tetapi boleh dianggap sebagai luar biasa, dengan erti kata telah menjalankan tugas yang amat sukar dengan jayanya ataupun pekerjaan yang berat telah dilakukan semenjak beberapa lama dengan cemerlangnya. Berkenaan dengan kakitangan kerajaan, maka kurniaan-kurniaan itu boleh diberikan kepada pegawai Bahagian I yang menyandang pangkat tidak kurang dari Tingkatan Tertinggi 'G'.

iv. **DARJAH AHLI MAHKOTA PERAK (A.M.P.)**

Peringkat Ke-4 Darjah Kebesaran Mahkota Perak dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya dalam kumpulan pengurusan dan profesional Gred 41 yang berkebolehan istimewa dan kepada

mereka yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri.

Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera dan polis yang berpangkat Kapten dan Mejar (Tentera Darat), Leftenan dan Leftenan Komander (Tentera Laut), Kapten Udara dan Mejar Udara (Tentera Udara), Penolong Penguasa dan Timbalan Penguasa (Pasukan Polis). Darjah ini terhad kepada 450 penerima sahaja.

Bagi Darjah Kebesaran Negeri Perak Yang Amat Mulia Mahkota Perak, KOLAR Darjah ini adalah sama dengan KOLAR Darjah Kebesaran Negeri Perak Yang Amat Mulia Cura Si Manja Kini kecuali tulisan jawinya ialah dengan huruf "YUSOF" sementara, BINTANGnya hanya bergaris pusat 7.6 sm dan cogankatanya ialah "TAUFIK KEPADA ALLAH".

SELEPANG yang dipakai bersama dengan Darjah ini pula berwarna putih, kuning dan hitam dengan jejalur yang seimbang dengan kelebarannya dan berbeza mengikut Pangkat Darjah.

7. PINGAT KEBERANIAN HANDAL / PEKERTI TERPILIH / JASA KEBAKTIAN /LAMA PERKHIDMATAN (P.K.H., P.P.P., P.J.K., P.L.P.)

Peraturan-peraturan berkenaan dengan kurniaan Pingat-pingat ini adalah seperti berikut:-

i. PINGAT KEBERANIAN HANDAL (P.K.H)

Tidak terhad. Pingat ini boleh dikurniakan kepada barang siapa jua yang telah melakukan, dalam Negeri Perak, sesuatu keberanian yang tersangat handal dan keberanian itu dilakukan dalam keadaan yang mendatangkan bahaya yang besar kepada dirinya.

ii. PINGAT PEKERTI TERPILIH (P.P.T.)

Tidak terhad. Pingat ini boleh dikurniakan kepada barang siapa jua yang telah melakukan, dalam Negeri Perak, satu perbuatan atau perbuatan-perbuatan yang bersifat cemerlang dan berani.

iii. PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)

Tidak terhad. Pingat ini boleh dikurniakan kepada barang siapa jua yang telah berbuat jasa yang cemerlang kepada Negeri selain daripada keberanian handal iaitu perkhidmatan yang berupa daya utama dan setia dalam menjalankan kewajipan, termasuk perkhidmatan yang lama dengan menunjukkan kebolehan yang luar biasa, jasa kebaktian dan kelakuan yang memberi contoh teladan.

iv. PINGAT LAMA PERKHIDMATAN (P.L.P.)

Tidak terhad. Pingat ini boleh dikurniakan kepada barang siapa jua yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan lama dan taat setia kepada Negeri Perak tidak kurang daripada 25 tahun. Perkhidmatan itu telah dibuktikan dengan daya usaha dan kesetiaan dalam menjalankan tanggungjawabnya yang menunjukkan kebolehan yang luar biasa dan boleh menjadi teladan.

PENGURNIAAN KEPADA BUKAN WARGANEGARA

Darjah-darjah Kebesaran yang dikurniakan kepada bukan Warganegara Malaysia akan dikurniakan dengan secara kehormat sahaja.

Hit	Kemaskini Terakhir	Kongsikan Kandungan Ini
11303	17 Februari 2013	

PERLIS

**PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON
UNTUK KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT
NEGERI PERLIS**

PENDAHULUAN

Darjah-darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri Perlis biasanya dianugerahkan kepada mereka yang berbakti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada negeri Perlis bersesuaian dengan taraf kedudukan mereka adalah daripada kumpulan atau jenis seperti di bawah :

A. DARJAH-DARJAH KEBESARAN

- i) Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (DBSJ).
- ii) Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ).
- iii) Darjah Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SPSJ).
- iv) Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP).
- v) Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ).
- vi) Darjah Dato' Wira Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DWSJ).
- vii) Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (DPMP).
- viii) Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSPJ).
- ix) Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ).
- x) Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP).
- xi) Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP).
- xii) Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP).

B. PINGAT-PINGAT

- i) Pingat Mahkota Perlis (PMP).
- ii) Pingat Keberanian Handal (PKH).
- iii) Pingat Pekerti Terpilih (PPT).
- iv) Pingat Jasa Kebaktian (PJK).
- v) Pingat Jasa Baik (PJB).
- vi) Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).

KELAYAKAN CALON

Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis adalah dijelaskan secara ringkas seperti di Perenggan-perenggan di bawah ini. Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis yang disenarai dibawah adalah disusun mengikut kekananan.

1. **Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (DBSJ)**

Anugerah ini membawa gelaran *Dato' Seri DiRaja Bendahara Negara*.

2. **Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ)**

Anugerah ini membawa kepada gelaran *Dato' Seri Diraja*.

3. **Darjah Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SPSJ)**

Dikurniakan kepada penjawat awam dan sektor swasta yang berkhidmat dengan cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran *Dato' Seri Setia DiRaja*.

4. **Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada negeri Perlis semasa memegang jawatan yang sangat berpengaruh dan tanggungjawab yang tertinggi bagi satu tempoh yang panjang. Merupakan penghormatan luarbiasa terhadap pencapaian yang sangat tinggi. Anugerah ini membawa kepada gelaran *Dato' Seri*.

5. **Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran *Dato' Paduka*.

6. **Darjah Dato' Wira Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DWSJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran ***Dato' Wira***.

7. **Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (DPMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Mereka mempunyai pengaruh yang luas di dalam bidang masing-masing dan membawa kebaikan kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran ***Dato'***.

8. **Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSPJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran ***Dato'***.

9. **Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa kepada gelaran ***Dato'***.

10. **Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi yang berjasa kepada negeri Perlis. Mereka yang telah menjalankan tugas yang berat dan sukar dengan berjaya dan cemerlang selama satu tempoh masa yang panjang. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada ***Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau setaraf dengannya***.

11. **Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP)**

Dikurniakan kepada mereka yang berjasa dan berkhidmat dengan cemerlang untuk negeri Perlis. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada ***Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Gred 48 atau setaraf dengannya.***

12. **Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada negeri Perlis. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada ***Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 48 atau setaraf dengannya.***

13. **Pingat Mahkota Perlis (PMP)**

Pingat ini bolehlah dikurniakan kepada sesiapa yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada negeri Perlis. Pingat ini sesuai dikurniakan kepada ***Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 41 hingga 44, Pemimpin-pemimpin Masyarakat atau setaraf dengannya.***

14. **Pingat Keberanian Handal (PKH)**

Pingat ini bolehlah dikurniakan kepada sesiapa di dalam negeri Perlis ini yang telah menunjukkan keberanian handal di dalam sesuatu kejadian yang sangat-sangat membahayakan dirinya. Sesuai dikurniakan kepada ***anggota Polis, Tentera, Penjara, RELA atau setaraf dengannya.***

15. **Pingat Pekerti Terpilih (PPT)**

Pingat ini bolehlah dikurniakan kepada sesiapa yang melakukan di dalam negeri Perlis ini suatu perbuatan atau beberapa perbuatan pekerti yang terpilih di dalam keadaan yang membahayakan dirinya. Sesuai dikurniakan kepada ***anggota Polis, Tentera, Penjara, RELA, Bomba, pasukan yang beruniform atau setaraf dengannya.***

16. **Pingat Jasa Kebaktian (PJK)**

Pingat ini bolehlah dikurniakan kepada sesiapa yang telah melakukan jasa kebaktian kepada negeri Perlis iaitu selain daripada perbuatan keberanian yang handal dan perbuatan itu ialah jasa dan taat setia kepada jawatannya termasuklah bekerja lama dengan menunjukkan kelebihan dan tingkah laku yang boleh diteladani. Sesuai dikurniakan kepada ***Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 27 hingga Gred 40 (Kumpulan B) dan Pemimpin-pemimpin Masyarakat atau setaraf dengannya.***

17. **Pingat Jasa Baik (PJB)**

Pingat ini bolehlah dikurniakan kepada sesiapa yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan taat kepada negeri selain daripada jasa kebaktian kepada negeri. Sesuai dikurniakan kepada ***Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 8 hingga Gred 26 (Kumpulan C dan D) atau setaraf dengannya.***

18. **Pingat Perkhidmatan Lama (PPL)**

Pingat ini bolehlah diberikan kepada Pegawai-pegawai kerajaan yang ***berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun*** dan mempunyai rekod yang cemerlang semasa ianya berkhidmat dengan Kerajaan.

PULAU PINANG



Sistem Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kehormatan

Negeri Pulau Pinang

Utama

Darjah Kebesaran

Panduan Pencalonan

Manual Pengguna

Hubungi Kami

Panduan Pencalonan

PANDUAN PENCALONAN PENGURUHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG

- Pengguna perlu mendaftar sebagai Pengguna Baru sebelum membuat pencalonan.
- Orang Awam atau Orang Perseorangan tidak boleh membuat pencalonan.

Bagi Pencalonan Darjah Kebesaran (DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN), biodata / asas pencalonan calon hendaklah dibuat dalam bentuk karangan seperti arahan dalam Borang Pencalonan. Biodata / asas pencalonan ini akan digunakan dalam Buku Cenderamata Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2015. Biodata / asas pencalonan ini hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia. Contoh Biodata / Asas Pencalonan adalah seperti di Lampiran.

- Kelayakan Calon bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Awam

Ruangan A Borang Dilisi Secara Online oleh Jabatan	Ruangan B Nama Calon Yang Dilisi Dalam Barang dan Akan Menandatangani Slip Pencalonan
Jabatan Negeri Contoh : (a) Jabatan Kerja Raya (b) Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (c) Jabatan Pertanian (d) Pegawai Pertanian Daerah	Ketua Jabatan Negeri Contoh : (a) Pengarah Jabatan Kerja Raya (b) Pengarah Jabatan Kerja Raya (c) Pengarah Pertanian (d) Pengarah Pertanian
Mahkamah (Pencalonan Darjah Kebesaran – DJN, DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN untuk YA. Hakim)	YAA. Ketua Hakim Negara
Mohkamah (Pencalonan Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja untuk Lain-lain Anggota)	Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
Pejabat Daerah	Pegawai Daerah
Bagagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) / Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Jabatan Persekutuan Negeri / Badan Berkanun Persekutuan Contoh : (a) PDRM Negeri Pulau Pinang (Bagi Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja) (b) Jabatan Pengangkutan Jalan	Pengarah Negeri Contoh : (a) Ketua Polis Negeri (b) Pengarah Negeri
Kementerian	Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha
Jabatan Persekutuan	Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah
Polis Diraja Malaysia Bagi Peringkat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman	Setiausaha Polis Malaysia (Bagi Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja) Ketua Polis Negara / Timbalan Ketua Polis Negara (Bagi DJN, DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN)

Tenera Darat	Panglima Tenera Darat (Bagi Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja) Panglima Angkalan Tenera (Bagi DJN, DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN)
Tenera Laut	Panglima Tenera Laut (Bagi Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja) Panglima Angkalan Tenera (Bagi DJN, DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN)
Tenera Udara	Panglima Tenera Udara (Bagi Bintang dan Pingat – BCN, PKT, PJK, PJM dan PBS sahaja) Panglima Angkalan Tenera (Bagi DJN, DSPN, DMPN, DGPN, DPPN dan DUPN)
Pihak Berkuasa Tempatan	Yang Dipertua / Setiausaha
Badan Berkanun Negeri	Pengurus Besar

Catatan :

Jabatan seperti dalam ruangan A boleh membuat pencalonan dan mengisi borang secara online tetapi nama pencalon dan alamat pencalon hendaklah seperti dalam ruangan B. Selepas borang dihantar secara online, slip pencalonan hendaklah dicetak dan ditandatangani oleh pencalon di ruangan B serta diturunkan "cap" rasmi jawatan sebelum dihantar secara pos atau serahan tangan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pertubuhan / NGO / Parti Politik

Calon-calon bagi Pertubuhan / NGO hendaklah terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan / NGO tersebut sahaja.

Pencalon yang menandatangani Slip Pencalonan hendaklah menurunkan "Cap" jawatan dalam Pertubuhan / NGO / Parti Politik yang diwakili.

Borang Diisi Secara Online	Nama Pencalon Yang Diisi Dalam Borang dan Akan Menandatangani Slip Pencalonan
Pertubuhan / Persatuan / NGO	Penasihat / Presiden / Pengerusi / Yang Dipertua / Setiausaha di Peringkat Negeri atau Persekutuan
Korporat / Syarikat Swasta	Pengerusi / Pengerusi Eksekutif / Presiden / Pengurus Besar atau Setiausaha Syarikat
Parti Politik	Pengerusi / Setiausaha Perhubungan Negeri / Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) / Ahli Dewan Rakyat (ADR) / Ahli Dewan Negara (ADN) / Ketua Bahagian

■ Pengguna boleh mencetak borang pencalonan untuk simpanan dan rujukan. Hanya slip asal pencalonan yang ditandatangani oleh Pencalon perlu dihantar **sebelum atau pada 16 Mac 2015 (Isnin)** melalui pos atau serahan tangan kepada :

Encik Mohd Abdul Rahman bin Ismail
Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian DUN)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Aras 49, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

■ Salinan fotostat slip pencalonan dan slip yang difaks atau discan melalui emel tidak diterima.

■ Jika slip pencalonan yang tidak ditandatangani dan tidak diterima oleh Urus Setia, maka pencalonan ini dianggap tidak sah dan terbatal walaupun borang dihantar secara online **sebelum atau pada 27 Februari 2015**.

■ Pencalon boleh menyemak status pencalonan melalui menu Carian Pencalonan setelah log masuk ke dalam Sistem ePingat.

1.	DARJAH UTAMA PANGKUAN NEGERI	D.U.P.N.	Darjah ini adalah darjah yang tertinggi di Pulau Pinang yang dikurniakan kepada individu-individu yang telah berbuat jasa yang amat cemerlang kepada Negeri Pulau Pinang. Mereka yang dikurniakan darjah ini mempunyai kedudukan yang terulung serta berpengaruh. Darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Utama dan isteri penerima digelar Datin Seri . Kurniaan ini dihadkan kepada lima belas (15) orang yang masih hidup.
2.	DARJAH PANGLIMA PANGKUAN NEGERI	D.P.P.N.	Darjah Kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2003 dan dikurniakan kepada orang-orang perseorangan yang berjasa kepada Negeri ini khususnya dan Negara amnya dan mempunyai kedudukan tinggi dan dihormati. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' Seri dan isteri penerima digelar Datin Seri . Kurniaan ini dihadkan kepada dua puluh lima (25) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah Kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selepang dan lencana darjah.
3.	DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI	D.G.P.N.	Darjah ini dizahirkan pada tahun 1996 dan dikurniakan kepada individu-individu yang menyumbang perkhidmatan yang cemerlang serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar " Dato' Seri " dan isteri penerima digelar " Datin Seri ". Kurniaan ini dihadkan kepada seratus (100) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selepang dan lencana darjah.
4.	DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGERI	D.M.P.N.	Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 1967 dan dikurniakan kepada individu-individu yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' dan isterinya Datin . Kurniaan ini dihadkan kepada seratus tujuh puluh (170) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dianugerahkan darjah ini secara Kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi bintang, selepang dan lencana darjah. Bagi penjawat awam, darjah ini boleh dikurniakan kepada mereka yang menyandang gred jawatan seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Hakim Mahkamah Persekutuan 2. Hakim Mahkamah Tinggi 3. Gred Utama B atau setaraf dengannya 4. Lt. Jeneral 5. Komisioner Polis (CP)
5.	DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI	D.S.P.N.	Darjah ini dikurniakan kepada individu-individu yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai kedudukan yang tinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' dan isterinya Datin . Kurniaan ini dihadkan kepada seribu (1,000) orang yang masih hidup. Bagi penjawat awam, darjah ini boleh dikurniakan kepada mereka yang menyandang gred jawatan seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Gred Utama C atau Gred 54 dan setaraf dengannya. 2. Mej. Jeneral atau Brig. Jeneral 3. Deputy Komisioner Polis (DCP) atau Senior Assistan Komisioner Polis (SAC).
6.	DARJAH JOHAN NEGERI	D.J.N.	Darjah ini dikurniakan kepada individu-individu yang memberi perkhidmatan yang gemilang dalam apa jua lapangan. Darjah ini dihadkan kepada seribu seratus lima puluh (1,150) orang yang masih hidup.

Bagi penjawat awam, darjah ini boleh dikurniakan kepada mereka yang menyandang gred jawatan seperti berikut:-

1. Gred 54 atau setaraf dengannya.
2. Brig. Jeneral
3. Senior Assistan Komisioner Polis

7.	BINTANG CEMERLANG NEGERI	B.C.N.	<p>Bintang ini dizahirkan pada tahun 1996 dan bintang ini dikurniakan kepada penjawat dalam Perkhidmatan Awam yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan cemerlang dan perkhidmatan tersebut telah memberi sumbangan terhadap kemajuan, perkembangan dan keselamatan Negeri. Bintang ini dihadkan kepada empat ratus (400) orang yang masih hidup.</p> <p>Bintang ini boleh dikurniakan kepada mereka yang menyandang gred jawatan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gred 52, Gred 48 atau setaraf dengannya 2. Kolonel 3. Assistan Komisioner Polis (ACP)
8.	PINGAT GAGAH PERWIRA	P.G.P.	<p>Pingat ini dikurniakan kepada Individu-individu yang telah menunjukkan keberanian atau kegagahan yang luar biasa tatkala menempuh keadaan yang sangat berbahaya kepada dirinya sendiri. Anugerah boleh juga dikurniakan kepada mereka yang telah meninggal dunia.</p>
9.	PINGAT KELAKUAN TERPUJI	P.K.T.	<p>Pingat ini dikurniakan kepada individu-individu yang menunjukkan jasa-jasa yang terpuji ataupun menunjukkan kecekapan di dalam sesuatu lapangan. Orang itu memiliki budi pekerti dan adat resam yang baik dan terpuji.</p> <p>Bagi penjawat awam, pingat ini boleh dikurniakan kepada mereka yang menyandang gred jawatan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gred 48 atau Gred 44 atau Gred 41 dan setaraf dengannya. 2. Lt. Kolonel atau Mejar 3. Superintendan Polis (Supt.) atau Deputy Superintendan Polis (DSP).
10.	PINGAT JASA KEBAKTIAN	P.J.K.	<p>Pingat ini dikurniakan kepada Individu-individu yang telah memberi khidmat bakti yang bernilai atau berjasa atau telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab.</p>
11.	PINGAT JASA MASYARAKAT	P.J.M.	<p>Pingat ini dikurniakan kepada individu-individu yang telah memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat amnya.</p>
12.	PINGAT BAKTI SETIA	P.B.S.	<p>Pingat ini dikurniakan kepada individu-individu di dalam perkhidmatan awam yang telah berkhidmat kepada Kerajaan Negeri selama tidak kurang daripada 25 tahun dan mempunyai budi pekerti yang baik.</p>

SARAWAK



PANDUAN PENCALONAN DARJAH KEBESARAN BINTANG & PINGAT NEGERI SARAWAK- (DKBPNS)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
Susunan Keutamaan DKBPNS	3
Maklumat Ringkas DKPBNS	4 - 7
Syarat Kelayakan Pencalonan DKPBNS	8 - 11
Panduan Mengisi Borang	12

SUSUNAN KEUTAMAAN ANUGERAH NEGERI SARAWAK

Bil	Anugerah	Gelaran Penerima
1.	Satria Bintang Sarawak (S.B.S.)	Pehin Sri
2.	Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (D.P.)	Datuk Patinggi
3.	Datuk Amar Bintang Kenyalang (D.A.)	Datuk Amar
4.	Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.)	Dato Sri
5.	Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (P.G.B.K.)	Datuk
6.	Darjah Jasa Bakti Sarawak (D.J.B.S.)	Datu
7.	Panglima Setia Bintang Sarawak (P.S.B.S.)	Dato
8.	Johan Bintang Sarawak (J.B.S.)	-
9.	Johan Bintang Kenyalang (J.B.K.)	-
10.	Johan Perkhidmatan Cemerlang (J.P.C.)	-
11.	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)	-
12.	Pingat Perwira Negeri (Emas)(P.P.N.-EMAS)	-
13.	Pingat Perwira Negeri (Perak)(P.P.N.-PERAK)	-
14.	Pingat Perwira Negeri (Gangsa)(P.P.N.-GANGSA)	-
15.	Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S.)	-
16.	Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K.)	-
17.	Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B.)	-
18.	Ahli Bintang Sarawak (A.B.S.)	-
19.	Ahli Bintang Kenyalang (A.B.K.)	-
20.	Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T.)	-
21.	Bentara Bintang Sarawak (B.B.S.)	-

MAKLUMAT RINGKAS DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI SARAWAK

1. DARJAH YANG AMAT MULIA BINTANG SARAWAK

(A) Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.)

Dianugerahkan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi lagi ternama dan telah menyumbangkan khidmat cemerlang kepada Negeri Sarawak dalam satu tempoh yang agak lama. Pengaruh mereka hendaklah kuat serta memberi kesan dalam apa jua lapangan dan dilakukan untuk kebaikan Negeri.

Penyandang lelaki di gelar "DATO SRI" dan isterinya "DATIN SRI" sementara penyandang wanita digelar "DATO SRI". Tidak ada gelaran untuk suami penerima.

(Swk.G.N. 751/2003 p. 686)

(B) Darjah Jasa Bakti Sarawak (D.J.B.S)

Pangkat pertama bagi Darjah Jasa Bakti Sarawak ini dianugerahkan kepada mana-mana pegawai dalam Perkhidmatan Awam ataupun dalam perkhidmatan Badan-Badan Berkanun yang telah melakukan tugas dengan terpuji dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri Sarawak.

Penyandang lelaki digelar "DATU" dan isterinya "DATIN" sementara penyandang wanita digelar "DATU". Tidak ada gelaran untuk suami penerima.

(Swk. G.N. 2545/1997 p. 2581 as amended by Swk. G.N. 755/2003 & Swk. G. N 369/2010)

(C) Panglima Setia Bintang Sarawak (P.S.B.S.)

Darjah ini dianugerahkan kepada mereka yang mempunyai khidmat cemerlang dan jasa terhadap Negeri Sarawak dalam pelbagai lapangan. Untuk mendapat anugerah ini, seseorang itu mestilah mempunyai pencapaian cemerlang dari segi ekonomi, sosial, politik, teknologi dan seterusnya melakukan perubahan yang unggul untuk kemajuan Negeri Sarawak.

Pangkat ini boleh dianugerahkan kepada lelaki dan wanita. Penyandang lelaki digelar sebagai 'DATO' dan isterinya 'DATIN' sementara penyandang wanita digelar 'DATO'. Tidak ada gelaran untuk suami penerima.

(Swk. G.N. 751/2003 p. 686)

(D) Johan Bintang Sarawak (J.B.S.)

Dianugerahkan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dan telah membuat jasa cemerlang kepada Negeri Sarawak yang walaupun tidak sebagai mana jasa yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk pangkat pertama. Hendaklah mempunyai mempunyai pengaruh yang kuat dalam apa juga lapangan dan dilakukan untuk kebaikan Negeri.

Kakitangan awam hendaklah dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam Gred Utama "C" atau Gred Khas "C" dan ke atas (atau yang setaraf) sahaja layak dipertimbangkan.

(Swk.G.N. 751/2003 p. 686)

(E) Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S.)

Dikhaskan sebagai satu anugerah kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dalam perkhidmatan kepada Negeri Sarawak meskipun tidak setinggi taraf yang diperlukan untuk pangkat kedua, tetapi boleh dianggap sebagai istimewa, seperti satu tugas khas yang sukar dan dilakukan dengan jayanya atau tanggungjawab berat dan telah dilakukan dengan cemerlang selama beberapa tahun.

lanya sesuai untuk dianugerahkan kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Kategori III dan keatas, termasuk Penolong Pesuruhjaya Polis, Kolonei (Tentera Darat), Kapten (Pasukan Udara) dan Kapten (Laut).

(Swk.G.N. 751/2003 p. 686)

(F) Ahli Bintang Sarawak (A.B.S)

Untuk khidmat dan jasa yang banyak dan cemerlang.

Untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional ke atas termasuk Penolong Penguasa Polis, Mejar (Tentera Darat), Ketua Skuadron (Pasukan Udara) dan Leftenan Komander (Tentera Laut).

(Swk.G.N. 751/2003 p. 686)

(G) Bentara Bintang Sarawak (B.B.S.)

Dianugerahkan sebagai menghargai jasa cemerlang mereka yang kurang sedikit taraf kedudukannya daripada mereka yang layak menerima pangkat keempat.

Untuk Kumpulan Pelaksana merangkumi Inspektor Kanan Polis, Kapten (Tentera Darat), Flight Lieutenant (Pasukan Udara) dan Leftenan (Tentera Laut).

(Swk.G.N. 751/2003 p. 686)

2. DARJAH GEMILANG BINTANG KENYALANG SARAWAK

(A) Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (P.G.B.K)

Dikhaskan kepada mereka yang telah menyumbangkan khidmat cemerlang kepada Negeri Sarawak dalam satu tempoh yang agak lama dan mempunyai pengaruh yang kuat serta tanggungjawab yang paling tinggi sesuai dengan taraf mereka.

Penyandang lelaki di gelar "**DATUK**" dan isterinya "**DATIN**" sementara penyandang wanita juga digelar "**DATUK**". Tidak ada gelaran untuk suami penerima.

(Swk. G.N. 749/2003 as amended by Swk. G.N. 2000/2003 & 2794/2003)

B) Johan Bintang Kenyalang (J.B.K.)

Mereka yang tinggi taraf kedudukannya dan membuat jasa cemerlang kepada Negeri Sarawak dalam semua pekerjaan. Untuk melayakkan diri, mereka mestilah mempunyai pengaruh yang kuat dalam lapangan kegiatan dan yang mana telah dilakukan dengan berkesan demi kebaikan.

Untuk Gred Utama "C" atau Gred Khas "C" dan ke atas dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (atau yang setaraf)

(Swk. G.N. 749/2003 p. 679)

(C) Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K.)

Satu anugerah kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dalam perkhidmatan kepada Negeri Sarawak yang mana meskipun tidak setinggi taraf yang diperlukan untuk pangkat kedua, tetapi boleh dianggap sebagai istimewa, seperti satu tugas khas dan diakukan dengan jayanya atau tanggungjawab berat dan telah dilakukan dengan cemerlang selama beberapa tahun.

Untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional ke atas termasuk Penolong Pesuruhjaya Polis, Kolonel (Tentera Darat), Kapten (Pasukan Udara) dan Kapten (Laut).

(Swk. G.N. 749/2003 p. 679)

(D) Ahli Bintang Kenyalang (A.B.K.)

Untuk khidmat dan jasa yang paling tinggi sesuai dengan taraf mereka.

Untuk Kumpulan Pelaksana ke atas termasuk Penolong Penguasa Polis, Mejar (Tentera Darat), Ketua Skuadron (Pasukan Udara) dan Leftenan Komander.

(Swk. G.N. 749/2003 p. 679)

3. PINGAT PENTADBIRAN AWAM

3.1 Johan Perkhidmatan Cemerlang (J.P.C)

Dikhaskan kepada mereka yang mempunyai khidmat cemerlang dan jasa terhadap Negeri Sarawak khususnya di dalam Perkhidmatan Awam.

Para penerima Darjah Kebesaran Negeri bagi Pingat Perkhidmatan Awam ini mestilah terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan dan Ketua Eksekutif bagi Badan Berkanun/Majlis Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi Negeri ataupun mereka yang telah menunjukkan ketrampilan yang luar biasa dan jasa bakti yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

(Swk. G.N 4023/2010)

3.2 Dikhaskan kepada para pegawai awam dan pekerja Badan-Badan Berkanun/ Majlis Berkuasa Tempatan /Agensi-agensi Negeri untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat cemerlang, kecekapan, kebolehan dan kejayaan mereka. Ada tiga pangkat, iaitu:-

(a) Pingat Perkhidmatan Cemerlang (Emas) (P.P.C.)

(h) Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (P.P.B.)

(c) Pingat Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (P.P.T.)

(Swk. G.N. 1802/1973 p. 2385)

4. PINGAT PERWIRA NEGERI (P.P.N)

Pingat ini adaiiah diberikan kepada lelaki ataupun wanita, sama ada berkhidmat atau ditugaskan di dalam Pasukan-Pasukan Angkatan Bersenjata Malaysia dan Polis Di Raja Malaysia yang telah melakukan tugas-tugas yang berani dan gagah di Negeri Sarawak.

Ada tiga pangkat iaitu:-

(a) Pingat Perwira Negeri (Emas)

(h) Pingat Perwira Negeri (Perak)

(c) Pingat Perwira Negeri (Gangsa)

(Swk. G.N. 750/2003 p. 684)

Syarat Kelayakan Pencalenen DKBPNS

Bil	Kriteria	Jenis Pingat	
		JBS	JBK
1	Pentadbiran	Pengarah/Timbangan /Setiausaha Tetap/Pegawai Tadbir Khas	
	Gred Jawatan	Utama A,B & C	Utama A,B & C
	Umur	45 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		
3	PDRM	Timb.Pesuruhjaya Polis ke atas	
	Gred Jawatan	Utama A,B & C	Utama A,B & C
	Umur	45 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		
4	ATM	Brigadier Jeneral ke atas	
	Gred Jawatan	Utama A,B & C	Utama A,B & C
	Umur	45 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		
5	Swasta	Penasihat/Pengerusi/ Pengurus Besar/Ahli Lembaga Pengarah	
	Umur	45 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	10 thn ke atas	10 thn ke atas
6	Politik	Ahli Parlimen & ADUN/Setiausaha Agung/ Ahli Majlis Tertinggi	
	Umur	40 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		
Bil	Kriteria	Jenis Pingat	
		JPC	PPC
7	Pentadbiran	Pengarah/Timbangan/Setiausaha Tetap/Pegawai Tadbir Khas	
	Gred Jawatan	Utama A,B & C	Gred 54 ke atas
	Umur	45 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		
8	PDRM		
	ATM		
	SWASTA		
	PDLITIK		

Syarat Kelayakan Pencalonan DKBPNS


Bii	Kriteria	Jenis Pingat		
		PBS	PBK	PPB
9	Pentadbiran	Pegawai Tadbir/Ketua Pen. Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha/Pen. Pengarah		
	Gred Jawatan	41 ke atas	41 ke atas	41 ke atas
	Umur	45 thn ke atas	45 thn ke atas	40 thn ke atas
	Tempoh Perkhidmatan	18 thn ke atas	15 thn ke atas	15 thn ke atas
10	PDRM	Pen. Pesuruhjaya Polis ke atas		Pen. Penguasa Polis Ke atas
	Gred Jawatan			
	Umur	45 thn ke atas		40 thn ke atas
	Tempoh Perkhidmatan	18 thn ke atas	15 thn ke atas	15 thn ke atas
11	ATM	Kolonel ke atas	Left. Kolonel ke atas	Kapten/Mejar
	Gred Jawatan			
	Umur	40 thn ke atas		
	Tempoh Perkhidmatan	15 thn ke atas		
12	Swasta	Penasihat/Pengerusi	Timb. Pengerusi ke atas	
	Umur	35 thn ke atas		
	Tempoh Perkhidmatan	10 thn ke atas		
13	Politik	Ahli Parlimen/ADUN/Ahli Majlis Tertinggi/Pengerusi		
	Umur	35 thn ke atas		
	Tempoh Perkhidmatan			

Syarat Kelayakan Pencalonan DKBPNS

Bil	Kriteria	Jenis Pingat	
		ABS	ABK
14	Pentadbiran	Penolong Pegawai/Pembantu Tadbir Kanan	
	Gred Jawatan	Gred 22 ke atas	
	Umur	40 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	15 thn ke atas	
15	PDRM	Pen. Penguasa Polis ke atas	
	Gred Jawatan		
	Umur	40 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	15 thn ke atas	
16	ATM	2nd Left. Ke atas	
	Gred Jawatan		
	Umur	35 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	15 thn ke atas	
17	Swasta	AJK ke atas	Ahli Biasa ke atas
	Umur	35 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	10 thn ke atas	
18	Politik	AJK Negeri/Bahagian/Cawangan	
	Umur	35 thn ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan		

Syarat Kelayakan Pencalenen DKBPNs

BII	Kriteria	Jenis Pingat	
		PPT	BBS
19	Pentadbiran	Kumpulan Pelaksana	
	Gred Jawatan	Gred 40 ke bawah	
	Umur	45 tahun ke atas	
	Tempoh Perkhidmatan	18 thn ke atas	15 thn ke atas
20	PDRM	Inspektor ke atas	inspektor ke bawah
	Gred Jawatan		
	Umur	45 thn ke atas	45 thn ke atas
	Tempoh Perkhidmatan	18 thn ke atas	15 thn ke atas
21	ATM	Sarjan Mejar ke atas	Sarjan Mejar ke bawah
	Gred Jawatan		
	Umur	30 thn ke atas	30 thn ke atas
	Tempoh Perkhidmatan	10 thn ke atas	10 thn ke atas
22	Swasta		Ahli Biasa
	Umur		30 thn ke atas
	Tempoh Perkhidmatan		5 thn ke atas
23	Politik		AJK Bahagian/Cawangan/ Ahli Biasa
	Umur		
	Tempoh Perkhidmatan		5 thn ke atas

 Tidak Berkenaan

PANDUAN MENGGISI BORANG

1. Borang Yang Digunakan

Pencalon hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang khas mengikut kategori pencalonan seperti berikut:-

Kategori	Jenis Borang
Perkhidmatan Awam Negeri & Persekutuan (termasuk Badan Berkanun Persekutuan, Ketua Masyarakat /Ketua Kaum)	Borang A (Biru Muda)
Perkhidmatan Badan Berkanun Negeri & Pihak Berkuasa Tempatan	Borang B (Ungu Muda)
Swasta/Persatuan/Sukarela/Sukan	Borang C (Hijau Muda)
Warga Asing	Borang D (Kuning)
Parti Politik	Borang Politik (Merah Jambu)

2. Borang-borang pencalonan hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat oleh Pencadang dan **dirahsiakan** dari calon.
3. Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan dalam satu (1) salinan dan dikepulkan dengan sekeping gambar berukuran passport.
4. Borang Pencalonan yang dikemukakan kepada Urus Setia DKBPNS hendaklah disertai dengan Surat Rasmi dari Ketua Jabatan/Agensi/Persatuan yang berkenaan dan juga senarai ringkas pencalonan jika jumlah pencalonan melebihi dua(2) orang.

CONTOH

Bil	Nama Calon	Jenis Pingat

5. Borang Pencalonan DKBPNS Tidak Dibenarkan untuk diubahsuai ataupun ditaip semula.

6. Peraturan Mengemukakan Pencaionan:

- 6.1 Untuk pencalonan daripada Jabatan Negeri /Persekutuan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui **Kementerian atau**

Agensi yang berkenaan untuk dipertimbangkan. (Contoh : Pencalonan Majlis Daerah hendaklah melalui Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar dan PDRM melalui Ibu Pejabat, Bukit Aman, Kuala Lumpur)

- 6.2 Untuk pencalonan daripada agensi dibawah Kategori Swasta/ Persatuan/ Sukarela/ Sukan hendaklah dikemukakan melalui **Pertubuhan/Badan Induk** mereka ataupun melalui **Residen Bahagian** ataupun **Kementerian Pembangunan Sosial** untuk tapisan dan sokongan.
- 6.3 Jika seseorang calon itu adalah penjawat awam atau swasta yang bergiat aktif dalam pertubuhan profesional, kebajikan , sukarela sosial, agama dan lain-lain, calon ini **wajib** mendapat sokongan daripada **Ketua Jabatan /Agensi** masing-masing terlebih dahulu.
- 6.4 Untuk pencalonan dari Parti Politik, hendaklah terlebih dahulu disokong oleh Menteri atau Menteri Muda atau Wakil Rakyat dan dikemukakan melalui **Setiausaha Agung Parti** masing-masing.
- 6.5 Seseorang penjawat awam yang didapati memegang jawatan dalam parti politik mestilah mendapat **kebenaran** terlebih dahulu daripada **Setiausaha Kerajaan Negeri /Setiausaha Persekutuan** atau pihak berwajib sebelum dioalonkan.-
- 6.6 Untuk semua kategori pencalonan, seseorang calon yang telah menerima DKBPNS hanya layak dicalonkan semula selepas **tiga(3) tahun** kurniaan terdahulu. (Contoh : Tahun diluluskan **2011**, boleh dicalon semula pada tahun **2015**).
- 6.7 Keutamaan hendaklah diberi kepada calon-calon yang belum pernah menerima sebarang DKBPNS tetapi telah banyak berbakti kepada Negeri dan Negara.
7. Pencalonan akan **DITOLAK** jika tidak mematuhi peraturan di atas dan diterima selepas **tarikh tutup**.

PERHATIAN :

Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi pihak Urus Setia di talian **082-319599/082- 319594**.

PAHANG

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

Rujukan Kami : **SUK.PHG/KPP.004/7.13 JLD.5 (69)**

Tarikh : *30* Januari 2015

Semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang
Semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang
Semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negara (Negeri Pahang Darul Makmur)
Semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat (Negeri Pahang Darul Makmur)
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan (Negeri Pahang Darul Makmur)
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri/Persekutuan (Negeri Pahang Darul Makmur)
Semua Ketua Penguasa Tempatan Negeri
Setiausaha Barisan Nasional Negeri Pahang
Semua Pengerusi Pertubuhan/Persatuan Sukarela
Semua Pendaftar Universiti-Universiti

YB/YBhg Datuk/YH Dato'/Tuan/Puan,

KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI PAHANG
DARUL MAKMUR TAHUN 2015

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah mengampuni limpah perkenan mengurniakan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pahang Darul Makmur Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-85 pada 24 Oktober 2015.

3. Kategori Darjah Kebesaran dan Pingat yang boleh YB/YBhg Datuk/YH Dato'/Tuan/Puan memperakukan untuk dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai dalam Perkhidmatan Awam dan orang awam adalah seperti berikut :

- | | | |
|--------------------------------------|---|------------|
| i. Sri Sultan Ahmad Shah Pahang | - | (S.S.A.P.) |
| ii. Sri Indera Mahkota Pahang | - | (S.I.M.P.) |
| iii. Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang | - | (D.S.A.P.) |
| iv. Darjah Indera Mahkota Pahang | - | (D.I.M.P.) |
| v. Setia Ahmad Shah Pahang | - | (S.A.P.) |
| vi. Setia Mahkota Pahang | - | (S.M.P.) |

- | | | |
|------------------------------|---|----------|
| vii. Ahli Ahmad Shah Pahang | - | (A.A.P.) |
| viii. Ahli Mahkota Pahang | - | (A.M.P.) |
| ix. Pingat Khidmat Cemerlang | - | (P.K.C.) |
| x. Pingat Gagah Perwira | - | (P.G.P.) |
| xi. Pingat Kelakuan Terpuji | - | (P.K.T.) |
| xii. Pingat Jasa Kebaktian | - | (P.J.K.) |

4. Semua pencalonan hendaklah mengikut panduan, peraturan dan arahan sebagaimana dinyatakan dalam Lampiran-Lampiran seperti berikut :

4.1 Lampiran A

- Garis panduan pencalonan untuk Kurniaan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pahang Darul Makmur

4.2 Lampiran B

- Peraturan menyampaikan borang-borang pencalonan bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan

4.3 Lampiran C

- Peraturan menyampaikan borang-borang pencalonan bagi Orang-Orang Awam

4.4 Lampiran D

- Surat Arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara Bil.P.M.(S) 11262 Jld.14 bertarikh 11 Januari 1988 berhubung Tapisan Keutuhan Bagi Kurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat bagi Pegawai-Pegawai Persekutuan

5. Pencalonan bagi Pegawai-Pegawai dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan Pegawai berkenaan dalam dua (2) salinan. Manakala Pencalonan bagi Orang-Orang Awam / Bukan Kerajaan / Politik juga perlu dikemukakan dalam satu (1) salinan ke Pentadbiran ini. **Borang Pencaionan Bagi Kurniaan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pahang Darul Makmur Tahun 2015 boleh juga dimuat turun melalui Portal Pahang di <http://www.pahang.gov.my> (Lampiran 'E').**

6. Sila pastikan bahawa butir-butir yang diisikan di dalam borang tersebut adalah tepat khususnya mengenai **Ejaan Nama, Kewarganegaraan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat yang telah diterima**. Sila juga pastikan bahawa semua ruangan yang disediakan di dalam borang tersebut diisi dengan lengkap. Sekiranya sesuatu soalan tidak berkenaan, sila catatkan "TB" atau "Tidak" di ruangan yang berkenaan.

7. Sukacita diingatkan bahawa dalam mengemukakan sesuatu pencalonan semua peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan hendaklah dipatuhi. **BORANG-BORANG PENCALONAN YANG TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**


8. Bagi Pencalonan Pegawai dan Kakitangan Persekutuan, sukacita pihak YB/YBhg Datuk/YH Dato'/Tuan/Puan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam surat Pekeliling P.M.Sulit.11262 Jld 11 bertarikh 26 April 1977 yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara yang menetapkan bahawa setiap pencalonan untuk Penganugerahan Darjah Kebesaran kepada Pegawai dan Kakitangan Persekutuan ianya hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia untuk diangkat bagi pertimbangan Ketua Setiausaha Negara.

9. Sehubungan itu, borang-borang pencalonan yang telah lengkap diisi, hendaklah dikembalikan kepada Unit Pengurusan Majlis dan Protokol, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Wisma Sri Pahang, Blok (B), 25503 Kuantan **sebelum atau pada 31 Mei 2015**. Sila ambil perhatian bahawa pencalonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Pentadbiran ini juga berhak menolak mana-mana pencalonan yang didapati tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

" Komited, Proaktif, Responsif "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


**(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.)**

s.k.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
(Unit Pengurusan Bintang)
Jabatan Perdana Menteri

Pengelola Bijaya Diraja
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

Setiausaha Sulit Kepada
Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang

MUSTAHAK

**GARIS PANDUAN PENCALONAN UNTUK KURNIAAN
DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Seseorang yang hendak dicalonkan bagi menerima anugerah sesuatu Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pahang Darul Makmur hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut :

- * Telah memberikan sumbangan bakti yang istimewa kepada masyarakat, Negeri Pahang Darul Makmur dan Raja Pemerintah
- * Mereka yang telah berkhidmat dengan cemerlang lebih kurang 5 tahun di Negeri Pahang Darul Makmur
- * Mereka yang telah terbukti melibatkan diri secara aktif dengan Badan-Badan Amal dan Sukarela
- * Mereka yang dicalonkan hendaklah mempunyai rekod yang bersih
- * Darjah Kebesaran dan Pingat yang hendak dicalonkan kepada seseorang hendaklah sesuai dengan kedudukannya dalam masyarakat dan sebagai mengenangkan jasa bakti yang diberikan
- * Pencalonan mestilah dibuat dan disokong hanya oleh Ketua Jabatan/Agensi masing-masing atau Pegawai Daerah atau Ketua-Ketua Masyarakat. Pencalonan yang dibuat oleh pihak lain dari yang sepatutnya tidak akan dipertimbangkan
- * Pegawai Pencalon hendaklah menyatakan dengan jelas urutan keutamaan senarai calon yang dikemukakan bagi setiap kategori pencalonan

Darjah Kebesaran dan Pingat yang boleh dicalonkan kepada seseorang adalah seperti berikut :

SRI SULTAN AHMAD SHAH PAHANG (S.S.A.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Pertama yang membawa gelaran Dato' Sri adalah dicadangkan bagi kurniaan sebagai satu kehormatan yang istimewa terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada Raja Pemerintah, Negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat keseluruhannya. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan Kumpulan Turus atau yang setaraf dengannya dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

SRI INDERA MAHKOTA PAHANG (S.I.M.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Pertama yang membawa gelaran Dato' adalah dicadangkan bagi kurniaan sebagai satu kehormatan yang istimewa terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada Raja Pemerintah, Negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat keseluruhannya. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan Gred Turus atau yang setaraf dengannya dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

DARJAH SULTAN AHMAD SHAH PAHANG (D.S.A.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Kedua yang membawa gelaran Dato' adalah dicadangkan bagi kurniaan terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada Raja Pemerintah, Negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat keseluruhannya. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan Gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) A, B dan C ke atas atau yang setaraf dengannya dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

DARJAH INDERA MAHKOTA PAHANG (D.I.M.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Kedua yang membawa gelaran Dato' adalah dicadangkan bagi kurniaan terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada Raja Pemerintah, Negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat keseluruhannya. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan **Gred JUSA C ke atas** atau yang setaraf dengannya dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

SETIA AHMAD SHAH PAHANG (S.A.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Ketiga ini adalah dicadangkan bagi kurniaan terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada Raja Pemerintah, Negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat keseluruhannya. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan **Gred 54 ke atas** atau yang setaraf dengannya dalam Perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

SETIA MAHKOTA PAHANG (S.M.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Ketiga ini adalah dicadangkan bagi kurniaan terutamanya kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan terpuji kepada Negeri. Pengurniaan ini biasanya diberikan kepada Pegawai Kerajaan **Gred 52 ke atas** atau yang setaraf dengannya dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

AHLI AHMAD SHAH PAHANG (A.A.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Keempat ini bolehlah dipertimbangkan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan, Polis atau Angkatan Bersenjata Gred 48 ke atas atau kepada sesiapa sahaja yang setaraf dengannya yang difikirkan layak menerima. Pengurniaan ini adalah bagi orang yang berjasa dan melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang atau pun yang memberikan sumbangan dalam Badan-Badan Sukarela atau pun lain-lain kegiatan.

AHLI MAHKOTA PAHANG (A.M.P.)

Darjah Kebesaran Peringkat Keempat ini diwujudkan supaya pengurniaannya secocok dengan taraf dan kedudukan penerima. Kedudukan Bintang ini adalah di antara Bintang A.A.P. dan Pingat P.K.C. Pada kebiasaannya Bintang A.M.P. dikurniakan kepada Pegawai Kerajaan Gred 41/Gred 44 sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Penguasa-Penguasa Tempatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerimanya.

PINGAT KHIDMAT CEMERLANG (P.K.C.)

Pingat ini boleh dipertimbangkan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Gred 32 / Gred 27 atau yang setaraf dengannya sama ada dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun / Penguasa-Penguasa Tempatan dan Anggota Pasukan Keselamatan atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak menerima. Pengurniaan ini adalah bagi orang yang berjasa dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi.

PINGAT GAGAH PERWIRA (P.G.P.)

Pingat ini bolehlah dianugerahkan kepada sesiapa yang melaksanakan sesuatu perbuatan yang paling gagah dan berani walaupun di dalam keadaan yang amat membahayakan serta mencemaskan dirinya sendiri.

PINGAT KELAKUAN TERPUJI (P.K.T.)

Pingat ini bolehlah dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Gred 22 ke atas kepada sesiapa sahaja yang terbukti telah melaksanakan perbuatan atau perbuatan-perbuatan yang mempunyai sifat kelakuan terpuji dan berani walaupun di dalam keadaan yang membahayakan dirinya sendiri.

PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)

Pingat ini bolehlah dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Gred 1 hingga 27 atau kepada sesiapa yang melaksanakan sesuatu perkhidmatan yang terpuji di Negeri ni selain daripada perbuatan keberanian dan perkhidmatan ini ditunjukkan oleh kecerdasan dan kesetiaan kepada tugas termasuk kepada perkhidmatan yang lama dan dipenuhi dengan kebolehan yang istimewa, kepujian dan kelakuan yang terpuji.

**KELAYAKAN PENCALONAN
PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
BAGI SEKTOR KERAJAAN**

BIL.	DARJAH KEBESARAN / PINGAT	PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN	PEGAWAI-PEGAWAI ANGKATAN TENTERA DARAT / LAUT / UDARA	PEGAWAI-PEGAWAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
1.	SSAP / SEMP	Turus 1 dan Setaraf	Jeneral / Laksamana dan Setaraf	Ketua Polis Negara
2.	SIMP / DSAP	Turus II / III atau Setaraf	Jeneral / Laksamana dan Setaraf	Timbalan Ketua Polis Negara
3.	DSAP	Grad Utama A, B, C	Leftenan Jeneral / Laksamana Madya dan Setaraf	Komisioner Polis (CP)
4.	DSAP / DIMP	Gred Utama A, B, C	Mejar Jeneral / Laksamana Muda dan Setaraf	Deputi Komisioner Polis (DCP)
5.	DIMP / SAP / SMP	Gred 54 ke atas	Brigedier Jeneral / Laksamana Pertama dan Setaraf	Senior Asisten Komisioner Polis (SAC)
6.	SAP / SMP	Gred 52 ke atas	Kolonel / Kapten (TLDM) dan Setaraf	Senior Asisten Polis (SAC) / Asisten Komisioner Polis (ACP)
7.	AAP	Gred 48 ke atas	Leftenan Kolonel / Komander dan Setaraf	Superintenden Polis (Supt.)
8.	AMP	Gred 41 / Gred 44	Mejar / Leftenan Komander dan Setaraf	Deputi Superintenden Polis (DSP)
9.	PKC / PKT	Penolong Pegawai Tadbir Gred 27 / Gred 32	Kapten / Leftenan / Leftenan Madya / Leftenan Muda dan Setaraf	Asisten Superintenden Polis (ASP) / Kadet Asisten Superintenden Polis (K/ASP) / Cif Inspektor (C/Insp.) / Inspektor
10.	PKT / PJK	Pembantu Tadbir Gred 22 ke atas	PW 1 / PW II ke Sarjan / Bintara Kanan / Bintara Muda	Sub-Inspektor / Sarjan Mejar / Sarjan
11.	PJK	Pembantu Tadbir Gred 1 hingga 22	KPL / Laskar Kanan / Laskar Kelas 1 ke bawah	Koperai / Lans Koperai

**PERATURAN MENYAMPAIKAN BORANG-BORANG PENCALONAN
BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN**

1. Borang pencalonan hendaklah diisi dan disahkan hanya oleh Ketua-Ketua Jabatan masing-masing dan disampaikan kepada :
 - (a) Setiausaha Kerajaan Pahang bagi semua Pegawai PTD dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri
 - (b) Setiausaha Kerajaan Pahang bagi lain-lain Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Negeri Pahang Darul Makmur
 - (c) Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan-Jabatan Negeri atau pun Jabatan-Jabatan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur, termasuk Angkatan Tentera dan Polis melalui Ketua Jabatan masing-masing
2.
 - (a) Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Pegawai-Pegawai PTD akan menyampaikan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Jabatan Perdana Menteri
 - (b) Ketua Setiausaha Kementerian bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Persekutuan akan menyampaikan sokongan mereka kepada Jabatan Perdana Menteri
3. Jabatan Perdana Menteri akan menyampaikan keputusan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.
4. Setiausaha Kerajaan Negeri akan membuat perakuan kepada YAB Menteri Besar Pahang dan seterusnya disebarkan untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

MUSTAHAK :

Adalah diingatkan bahawa Ketua Jabatan di satu Jabatan tidak boleh memperakukan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan lain.

LAMPIRAN ' C '

**PERATURAN MENYAMPAIKAN BORANG-BORANG
PENCALONAN BAGI ORANG-ORANG AWAM**

1. Borang pencalonan hendaklah diisi oleh Ketua-Ketua Masyarakat di Kampung atau Pertubuhan masing-masing dan disampaikan kepada :
 - (a) Pegawai Daerah di Daerah masing-masing
 - (b) Pegawai Daerah mengesah dan memperakukan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang
 - (c) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang akan membuat perakuan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan seterusnya disebarkan untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

LAMPIRAN ' D '

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR.

Telefon : 2301957
Kawat : PERDANA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : P.M.(S)11262 Jld.14
Tarikh : 11 Januari 1988

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

**Tapisan Keutuhan Bagi Kurniaan Darjah-Darjah
Kebesaran Dan Pingat-Pingat**

Sebagaimana yang dikehendaki di dalam Pekeiling Am Suif Bil. 1 Tahun 1985 bertarikh 30 Ogos 1985 bahawa semua pencalonan bagi Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri hendaklah dibuat tapisan-tapisan keutuhan oleh Badan Pencegah Rasuah (B.P.R.).

2. Sehubungan dengan ini juga bagi memastikan bahawa calon-calon yang diperakukan bagi Penganugerahan tersebut tidak mempunyai sebarang kes tatatertib, Kementerian/Jabatan/Kerajaan Negeri adalah dikehendaki merujuk setiap pencalonan kepada pihak Lembaga Tatatertib yang mengendalikan urusan tatatertib calon-calon berkenaan supaya menjalankan tapisan-tapisan keutuhan.

3. Oleh itu, hanya calon-calon yang benar layak dari segi keutuhan sahaja perlu dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan daripada Pegawai Jawatankuasa Tetap Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang Persekutuan.

4. Dengan hal demikian, Kementerian/Jabatan/Kerajaan Negeri apabila mengemukakan pencalonan bagi Penganugerahan Darjah kebesaran dan Pingat Negeri bagi Pegawai-Pegawai Persekutuan yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri hendaklah mengesahkan di atas borang pencalonan bahawa calon-calon yang dicadangkan itu telah dibuat tapisan keutuhan seperti perenggan 1 dan 2 di atas.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(DATO' HAJI WAN SIDEK)
b.p. Ketua Setiausaha Negara

s.k.

YB Setiausaha Kerajaan Pahang

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Wisma Bernama,
50510 KUALA LUMPUR

MUAT TURUN BORANG

<http://www.pahang.gov.my>



Pusat media



Muat Turun



Borang



Kurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pahang

SELANGOR

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN
KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK PENGURNIAAN
DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
TAHUN 2014**

1. PENDAHULUAN

Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan yang biasa dikurniakan kepada mereka yang berbakti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada Kerajaan Negeri bersesuaian dengan taraf kedudukan mereka adalah daripada kumpulan atau jenis seperti di bawah:

a. DARJAH KEBESARAN MAHKOTA SELANGOR

- | | | |
|---------------|---|---|
| Kelas Pertama | - | Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)
(Membawa gelaran "Dato' Seri" bagi penerima lelaki dan "Datin Paduka Seri" bagi penerima wanita) |
| Kelas Kedua | - | Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.)
(Membawa gelaran "Dato'" bagi ahli lelaki dan "Datin Paduka" bagi ahli wanita) |
| Kelas Ketiga | - | Setia Mahkota Selangor (S.M.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran) |
| Kelas Keempat | - | Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran) |

b. **DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

- Kelas Pertama - Dato' Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.)
(Membawa gelaran “Dato’ Setia” bagi penerima lelaki dan “Datin Paduka Setia” bagi penerima wanita)
- Kelas Kedua - Dato’ – Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.)
(Penerima memakai gelaran “Dato’” manakala penerima wanita akan memakai gelaran “Datin Paduka”)
- Kelas Ketiga - Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran)
- Kelas Keempat - Ahli – Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran)

c. **BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)

d. **PINGAT KEBERANIAN**

Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)

e. **PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

- Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)
- Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)

f. **WATIKAH PELANTIKAN JAKSA PENGAMAN (J.P.)**

2. KELAYAKAN

Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan dijejaskan secara ringkas seperti perenggan-perenggan di bawah yang disusun mengikut kekananan. Secara lebih terperinci panduan bagi pencalonan adalah seperti di Lampiran A1 dan Kriteria Asas dan Kriteria Tambahan adalah seperti di Lampiran A2.

(a) DARJAH KEBESARAN SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.)

Darjah Kelas Pertama

- (i) Darjah Kebesaran ini biasanya dianugerahkan/ dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Suitan Selangor serta Kerajaannya. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berhak menganugerahkan/ mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja yang Baginda Tuanku anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan dan rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.
- (ii) Darjah Kebesaran S.P.M.S. ini dizahirkan dalam tahun 1961. Ahli Kehormat Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor biasanya terdiri daripada Putera-Putera Diraja, Pemerintah-Pemerintah dan Ketua-Ketua Negara asing. Bilangan maksima bagi ahli yang dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Kebesaran Kelas Pertama ini ialah **dua (2) orang pada satu-satu masa**. Ahli-ahli yang

menerima anugerah/ kurniaan Seri Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran "Dato' Seri" pada pangkai namanya bagi Ahli Leiaki,, "Datin Paduka Seri" kepada Ahii Wanita, Isteri Ahli-ahli Lelaki menggunakan gelaran "Datin Seri" pada pangkal namanya, manakaia suami kepada Ahii Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa geiaran.

- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus Iii ke atas atau setaraf dengannya.

(b) DARJAH KEBESARAN DATO' PADUKA MAHKOTA SELANGOR

(D.P.M.S.)

Darjah Kelas Kedua

- (i) Orang yang layak menerima pengurniaan Darjah Kebesaran ini adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama (S.P.M.S.). Ahii-ahli yang menerima kurniaan Dato' Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran "Dato'" bagi Ahli Lelaki, "Datin Paduka" bagi Ahii Wanita pada pangkal mereka dan "Datin" bagi isteri Ahli Leiaki. Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa geiaran.
- (ii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.

(c) **DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA SELANGOR (S.M.S.)**

Darjah Kelas Ketiga

- (i) Orang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) adalah sama dengan Darjah Keias Pertama dan Kedua.

- (ii) Bintang ini dizahirkan pada tahun 1961. Ahii-Ahii yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gejaran pada pangkal mereka.

- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, bintang ini sesuai bagi anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 atau setaraf dengannya.

(d) **DARJAH KEBESARAN AHLI MAHKOTA SELANGOR (A.M.S.)**

Darjah Kelas Keempat

- (i) Bintang ini dizahirkan pada tahun 1982 dan diletakkan di dalam famiii Darjah Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Amat Mulia sebagai Darjah Keempat iaitu di bawah Darjah Setia Mahkota Selangor. Orang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) adaiiah mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor Darui Ehsan dengan cemeriang.
- (ii) Ahii-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebagai gelaran pada pangkai mereka.
- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, bintang ini sesuai bagi anggota-anggota di dalam Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.

DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

(a) DARJAH KEBESARAN DATO' SETIA – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.)

Darjah Kelas Pertama

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Bintang Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.). Darjah Kebesaran ini boleh dianugerahkan/ dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia serta Kerajaan. Duli Yang Maha Mulia juga berhak menganugerahkan/ mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja yang Baginda anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan serta rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.
- (ii) Ahli lelaki yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato' Setia" dan Ahli Wanita yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka Setia" pada pangkal mereka, manakala isteri kepada Ahli Lelaki berhak menggunakan gelaran "Datin Setia". Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus III ke atas atau setaraf dengannya.

(b) **DARJAH KEBESARAN DATO' – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS**

SHAH (D.S.I.S.)

Darjah Kelas Kedua

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Seiangor (D.P.M.S.). Mereka yang iayak dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Kelas Kedua ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Keias Pertama.

- (ii) Ahii Leiaki yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato" dan Ahli Wanita puia berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka" pada pangkai namanya, manakala isteri penerima ielaki boleh diberi gelaran "Datin" manakala suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.

- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, darjah ini sesuai untuk mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.

(c) **DARJAH KEBESARAN SETIA – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS**

SHAH (S.I.S.)

Darjah Kelas Ketiga

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Setia Mahkota Selangor (S.M.S.). Mereka yang layak menerima Darjah Kebesaran ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran Keias Pertama dan Kelas Kedua.
- (ii) Ahli-ahii yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkai nama mereka.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Bintang ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 ke atas atau setaraf dengannya.

(d) **DARJAH KEBESARAN AHLI – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

(A.I.S.)

Darjah Kelas Keempat

- (i) Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan cemerlang.
- (ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal namanya.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Bintang ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.

3. **BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

(a) **BINTANG PERKHIDMATAN CEMERLANG (B.P.C.)**

- (i) Calon yang layak untuk dikurniakan Bintang ini ialah **Pegawai-Pegawai Kerajaan** dan penerima Bintang ini mestilah telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya selama **7 tahun** dengan Kerajaan dan **4 tahun** daripadanya dengan **Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan** terus menerus.

4. **PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

(a) **PINGAT KEBERANIAN TERBILANG (P.K.T.)**

Orang yang layak dikurniakan pingat ini ialah orang yang telah menunjukkan perbuatan yang amat cemerlang dan amat berani di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan pada keadaan-keadaan yang boleh mendatangkan bahaya besar kepada dirinya.

(b) **PINGAT PEKERTI TERPILIH (P.P.T.)**

- (i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang menunjukkan perbuatan yang dianggap terbiang di Negeri Selangor Darul Ehsan ini di samping menunjukkan budi pekerti yang cemerlang.
- (ii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.

(c) **PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C.)**

Pingat ini sama tarafnya dengan Pingat Jasa Kebaktian dan boleh dipertimbang untuk dikurniakan kepada seseorang **Pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan sahaja** yang sedang atau telah berkhidmat melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan cemerlang dan mempunyai keiakuan yang terpuji.

(d) **PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)**

(i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang telah berjasa kepada Negeri Selangor Darul Ehsan. Ini termasuk perkhidmatan kemasyarakatan yang cemerlang, penghasilan kerja yang cemerlang dan mempunyai pekerti dan sifat-sifat yang terpuji. Pertimbangan juga boleh diberi kepada orang yang berkhidmat lama di Negeri Selangor Darul Ehsan.

(iii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.

(e) **PINGAT PERKHIDMATAN SELANGOR (P.P.S.)**

Pingat ini boleh dikurniakan kepada Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan yang sedang atau telah berkhidmat terus menerus **sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun** dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan berkelakuan baik dalam perkhidmatannya.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan Sultan Saiahuddin
Abdul Aziz Shah (SSAAS)
40503 Shah Aiam
SELANGOR

**GARIS PANDUAN BAGI PENCALONAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL	DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN	PERKHIDMATAN AWAM	SWASTA	POLITIK	NGO
1.	S.P.M.S. / S.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred Utama Turus III Melebihi 50 tahun	Pengerusi Eksekutif Pengarah Urusan Syarikat Utama IPTS Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun
2.	D.P.M.S./ D.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 54 Melebihi 45 tahun	Pengarah Urusan Syarikat Utama IPTS Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun
3.	S.M.S./ S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 48 Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun
4.	A.M.S./ A.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 26 Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun
5.	B.P.C. a) Gred Jawatan b) Umur c) Tempoh Berkhidmat	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 22 Melebihi 40 tahun Melebihi 7 Tahun			

PANDUAN BAGI PENCALONAN PINGAT NEGERI SELANGOR

BIL	KRITERIA	PKT	PPT	PPC	PJK	PPS	JP
1.	Penjawat						
2.	I) Pentadbiran (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Berkhidmat	Tentera	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun Melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Semua Kakitangan Kerajaan Melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor	
	II) Profesional (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Berkhidmat	(Tentera) Sarjan, Koperal, Pangkat Biasa. (Polis) Sarjan, Lans Koperai, Koperal, Anggota Biasa	(Tentera) Lain-lain Pangkat. (Polis) Lain-lain Pangkat.		(Tentera) Lain-lain Pangkat. (Polis) Lain-lain Pangkat. Melebihi 35 tahun		
3.	Ahli Politik (a) Jawatan (b) Umur		AJK Cawangan, Ahli Biasa. Melebihi 35 tahun		Ahli Biasa Melebihi 35 tahun		

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON
UNTUK PENGURNAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
TAHUN 2014**

1. SENARAI DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR

DARJAH KEBESARAN		
Kelas Pertama	Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) (Membawa gelaran "Dato' Seri")	Dato' Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' Setia ")
Kelas Kedua	Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) (Membawa gelaran "Dato'")	Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' ")
Kelas Ketiga	Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)
Kelas Keempat	Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)
BINTANG		
- Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)		
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN		
- Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)		
- Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)		
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)		
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)		
- Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)		
WATIKAH PELANTIKAN JAKSA PENDAMAI (J.P.)		

2. KRITERIA

2.1. KRITERIA ASAS

2.1.1. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta Jenayah.

2.1.2. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Akta Pencegah Rasuah.

2.1.3. Tidak terlibat di bawah Akta Kebankrapan

2.2. KRITERIA TAMBAHAN

2.2.1. KATEGORI ANAK NEGERI SELANGOR

[Dilahirkan di Selangor dan Kuala Lumpur (Sebelum 1974)]

KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM	Berkhidmat di Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none">i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan semasa.ii) Gred Jawatan sekurang-kurangnya Gred Utama Turus III (bagi Darjah Kebesaran Kelas Pertama) dan Gred 54 (bagi Darjah Kelas Kedua) atau setaraf dengannya.iii) Disokong oleh Ketua Jabataniv) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
	Berkhidmat di luar Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none">i) Sama seperti (i) – (iv) di atas.ii) Bagi pegawai-pegawai tertinggi Persekutuan yang dapat membantu Pentadbiran Negeri seperti KSU setaraf atau setanding, Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan tetapi tidak diberi keutamaan sekiranya telah dikurniakan 'Datuk' oleh Kerajaan Persekutuan atau lain-lain negeri.

<p>KATEGORI POLITIK</p>	<p>Berkhidmat di Negeri Selangor atau Kerajaan Persekutuan</p>	<p>Anggota Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Speaker, Ahli EXCO, Timbalan Speaker, - Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Persekutuan <ul style="list-style-type: none"> i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar. ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan. <p>Bukan Anggota Pentadbiran (Wakil Rakyat, Ahli PBT, Ahli Parlimen)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar. ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan.
--------------------------------	--	---





Tatacara Mengenai Darjah Kebesaran Negeri Selangor

Anda di sini : [Laman Utama](#) > [Tatacara Mengenai Darjah Kebesaran Negeri Selangor](#)

Tatacara pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat adalah sangat terperinci dan memakan masa selama lima bulan iaitu dari mula calon dicadangkan hingga kepada upacara Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran di Balai Rung Seri pada 11 Disember. Ia bermula pada bulan Jun setiap tahun apabila Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan organisasi lain diminta menyerahkan senarai calon kepada Kerajaan Negeri pada pertengahan bulan Ogos. Pencalonan disalurkan melalui proses penapisan oleh Kerajaan Negeri dan seterusnya Dato' Menteri Besar menghadap Baginda Sultan pada akhir bulan Oktober untuk menyembahkan calon-calon yang tersenarai.

Baginda Sultan adalah sumber bagi segala kehormatan dan kebesaran dalam negeri. Baginda sahaja yang boleh mengurniakan gelaran dan kebesaran serta mewujudkan Darjah, Pingat Penghormatan dan Kebesaran. Walaupun pengurniaan Darjah Kebesaran adalah hak mutlak Baginda Sultan, Perlembagaan Negeri memperuntukkan Baginda Sultan merujuk kepada Dewan di-Raja.

Pada awal bulan November, senarai nama pencalonan Darjah dan Bintang Kebesaran yang telah ditentukan bagi setiap kategori bersama dengan biodata dan sokongan yang terperinci setiap calon dibentangkan terlebih dahulu di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dewan di-Raja. Di sini dipastikan bahawa calon mempunyai kelayakan mengikut Garis Panduan dan kriteria yang telah ditetapkan serta pandangan dan pendapat ahli Jawatankuasa mengenai setiap calon yang dikemukakan. Ahli Majlis Jawatankuasa Teknikal amat teliti dalam pemprosesan maklumat mengenai setiap calon. Sebarang maklumat yang tidak menepati atau pengecualian akan dibangkitkan kepada Majlis, walaupun hal tersebut mungkin kecil.

Sidang Majlis Dewan di-Raja yang dipengerusikan oleh Baginda Sultan, akan bersidang pada hari yang berikutnya untuk meneliti setiap pencalonan. Di dalam kes-kes yang mendapat perhatian wajar oleh Majlis Jawatankuasa Teknikal, Baginda Sultan akan merujuk kepada ahli Dewan untuk pandangan dan nasihat mereka sebelum membuat keputusan muktamad untuk diperkenankan.

Setiap nama calon yang terpilih kemudiannya diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Polis, Badan Pencegah Rasuah [*sekarang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (S.P.R.M.)*] dan Jabatan Insolvensi bagi tujuan penyiasatan dan kelulusan. Dalam masa yang sama, borang setujuterima (dengan syarat bahawa laporan yang menunjukkan tiada sebarang masalah dari pihak berkuasa) dihantar kepada calon-calon bersama dengan Surat Akuan Bersumpah bahawa mereka bukan mufis dan bebas dari apa-apa kesalahan Polis dan Badan Pencegah Rasuah (S.P.R.M.)

Laporan siasatan dari pihak berkuasa dan borang setujuterima dan Surat Akuan Bersumpah daripada calon-calon diterima sebelum akhir bulan November. Jika terdapat laporan yang negatif mengenai seseorang calon, tindakan semakan semula akan dijalankan sebelum calon tersebut digugurkan.

Setelah mendapat pengesahan dari pihak berkuasa, penerima Darjah dan Bintang Kebesaran dikehendaki hadir untuk raptai upacara Istiadat Pengurniaan di Istana pada minggu pertama bulan Disember. Senarai penerima yang dikenakan sekatan siaran diberi kepada media massa, beberapa hari sebelum 11 Disember.

Seseorang penerima Darjah-Darjah Kebesaran apabila meninggal dunia, Darjah Kebesaran yang telah dikurniakan kepadanya itu hendaklah dipulangkan oleh waris atau wakilnya kecuali diperkenankan dengan limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk disimpan oleh waris Ahli yang meninggal dunia itu.

Bagi seseorang penerima yang mendapat kurniaan Darjah Kebesaran yang lebih tinggi, tanda kebesaran yang lebih rendah yang mereka terima sebelumnya hendaklah dikembalikan.

-Sumber :

Setiausaha, Dewan di-Raja Selangor

mengikut buku aturcara Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Tahun 2013

Kemaskini pada 2014-01-10 16:41:43 oleh Administrator


[Laman Utama](#)
[Senarai Darjah Kebesaran](#) »

[Garis Panduan Memohon](#)
[Senarai Penerima](#) »

[Carian](#) »

Garis Panduan Memohon
PANDUAN BAGI PENCALONAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	KRITERIA	SPMS	SSIS	DPMS	DSIS
1.	Penjawat	YAB. Menteri Besar	YAB Timb. MB Y.B. Speaker	Ahli EXCO	Ahli EXCO
2.	t) Pentadbiran (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Khidmat	Gred Utama Turus I, II & ttt Melebihi 50 tahun	Gred Utama Turus I, II, ttt Melebihi 50 tahun	Gred Utama A, B & C Melebihi 45 tahun	Gred Utama A, B & C Gred I (54) Melebihi 45 tahun
	ti) Profesional (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Khidmat	Hakim Mah. Persekutuan, Hakim Mh. Rayuan Gred Khas A (Tentera) Penjawat 4 bintang KPN, TKPN, Pengerusi Eks. Sykt. Utama Prof. Khas A Gred Utama A Gred Utama B Melebihi 50 tahun	Hakim Mah. Persekutuan, Hakim Mh. Rayuan Gred Khas A (Tentera) Penjawat 4 bintang KPN, TKPN, Pengerusi Eks. Sykt. Utama Prof. Khas A Gred Utama A Gred Utama B Melebihi 50 tahun	Hakim Mah. Persekutuan, Hakim Mh. Rayuan Gred Utama B & C Lt. Jen. P/Jaya Polis Prof. Gred Khas A, B & C Pengaruh Urusan Skt. Utama Melebihi 45 tahun	Hakim Mah. Persekutuan, Hakim Mh. Rayuan Gred Utama B & C Lt. Jen. P/Jaya Polis Prof. Gred Khas A, B & C Pengaruh Urusan Sykt. Utama Melebihi 45 tahun
3.	Ahli Politik (a) Jawatan (b) Umur			ADUN Ahli Parlimen Melebihi 45 tahun	ADUN Ahli Parlimen Melebihi 45 tahun

TERENGGANU



فجیابة ستیاوسها كراجان ترغغانو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU

(Khidmat Pengurusan)

Tingkat 15, Wisma Darul Iman,
20503 Kuala Terengganu.

Telefon: 09-623 1957

Faks: 09-625 1990

Laman Web: www.terengganu.gov.my

E-mel: kpsuktr@terengganu.gov.my

SUK.TR.(S) 027/5 BHG. 3 - (25)

10 Ramadhan 1435

8 Julai 2014


Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Pusat-Pusat Pengajian Tinggi
Syarikat-Syarikat Swasta
Badan-Badan Politik
Badan-Badan NGO Negeri / Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan / Puan,

**CADANGAN PENCALONAN BAGI ANUGERAH DARJAH
KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT TAHUN 2015
BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN.**

Dengan hormatnya dimaklumkan iaitu Y.Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon **mengemukakan pencalonan** bagi mana-mana pegawai/kakitangan jabatan dan orang-orang perseorangan untuk dipertimbangkan bagi Anugerah Bintang / Pingat Kebesaran Negeri Terengganu Darul Iman sempena Sambutan Ulang Tahun Yang Ke 53 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada **26 APRIL 2015**. **Bintang/Pingat yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan jawatan sebagaimana yang diterangkan dalam garis panduan di LAMPIRAN 1.**

2. Seseorang calon yang dicadangkan untuk sesuatu Bintang / Pingat Kebesaran Negeri hendaklah terdiri daripada **mereka yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Terengganu khususnya dan masyarakat berdasarkan taraf jawatan serta tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Terengganu.**
3. Pemilihan seseorang calon yang berglat cergas dalam pertubuhan-pertubuhan profesional, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama dan lain-lain hendaklah berasaskan kepada tahap sumbangan masing-masing kepada Negeri, Masyarakat dan Negara.
4. **Seseorang yang dicalonkan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih.** Tapisan keutuhan oleh **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (S.P.R.M.)** hendaklah diuruskan oleh pihak Kementerian atau ibu Pejabat jabatan masing-masing dan hendaklah dikembalikan bersama borang pencalonan.



"KESEMPURNAAN KERJA TANGGUNGJAWAB KAMI"



...2/-
Puan Dettar
G

5. **SESEORANG YANG PERNAH MENOLAK TAWARAN KURNIAAN** sebelumnya **TIDAK DIBENARKAN UNTUK DICALONKAN SEMULA.**

6. Bagi memudahkan Pentadbiran ini membuat keputusan, semua cadangan pencalonan hendaklah menggunakan borang pencalonan mengikut kategori pencalonan sebagaimana berikut:-

BORANG 'A' : Bagi pencalonan Anggota Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan/Swasta Negeri Terengganu Darul Iman.

BORANG 'B' : Bagi pencalonan Anggota Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun / Swasta Persekutuan.

BORANG 'C' : Bagi pencalonan Orang Awam, Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela, / politik/sukan dan lain-lain yang **BUKAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM / BADAN BEKANUN/SWASTA.**

7. Bersama-sama ini disertakan satu set borang bagi setiap kategori pencalonan. Bagi **Borang (A) dan (C)** hendaklah dihantar terus ke **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu** dalam (2) salinan.

8. **Borang (B)**, pencalonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing dalam (2) salinan serta perlu mendapat sokongan **Ketua Setiausaha Kementerian terlebih dulu.** (1) salinan borang pencalonan hendaklah dihantar kepada Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. **Pencalonan yang tidak dihantar melalui Kementerian TIDAK akan dipertimbangkan.**

9. **BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM/BADAN BERKANUN NEGERI DAN PERSEKUTUAN YANG DICALONKAN MELALUI PERSATUAN SUKAN, BADAN PERTUBUHAN SUKARELA /POLITIK HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU MENDAPAT SOKONGAN KETUA JABATAN MASING-MASING DAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN BORANG (A) [BAGI PENCALONAN NEGERI] ATAU BORANG (B) [BAGI PENCALONAN PERSEKUTUAN]. BORANG (C) TIDAK DIBENARKAN.**

10. Semua maklumat dalam borang pencalonan hendaklah tepat, khususnya mengenai ejaan nama, nombor kad pengenalan, alamat, **gred jawatan, jadual gaji** serta Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang telah diterima oleh calon berkenaan. **Nombor kad pengenalan lama hendaklah dicatitkan bersama nombor kad pengenalan baru.**

11. Disamping borang-borang pencalonan, ketua jabatan/pencalon hendaklah menyediakan senarai nama-nama calon yang dikemukakan mengikut merit dengan mengisi **LAMPIRAN 2.**

12. Ketua jabatan juga hendaklah mengesahkan bahawa setiap Anggota Perkhidmatan Awam yang dicalonkan adalah **BEBAS DARI SEBARANG TINDAKAN TATATERTIB** dengan mengisi **LAMPIRAN 3**.

13. **BORANG-BORANG PENCALONAN YANG TIDAK LENGKAP ATAU YANG DITERIMA SELEPAS TARIKH TUTUP TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

14. Ketua jabatan/pencalon yang membuat pencalonan hendaklah memastikan bahawa calon berkenaan tidak dicalonkan untuk anugerah Bintang/Pingat Kebesaran yang telah diterima.

15. Semua pencalonan hendaklah sampai ke Pentadbiran ini **PADA ATAU SEBELUM 1 DISEMBER 2014** di alamat sebagaimana berikut:-

**Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu,
Tingkat 15, Wisma Darul Iman,
20503 KUALA TERENGGANU.
(U.P. UNIT SULIT)**

Sekian, terima kasih.

**" MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI SAMJUN BIN SALLEH)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

s.k.,

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Blok B3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

BIL	JENIS BINTANG/PANGGILAN	PANGGILAN RINGKAS	KELAYAKAN PENERIMA
1	<p>DARJAH SERI SETIA SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU (S.S.M.Z.)</p> <p><i>Panggilan kepada penerima Lelaki / Wanita - Dato' Seri</i></p> <p><i>Panggilan kepada isteri penerima - To' Puan Seri</i></p>	Dato' Seri	<p>Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. TuanKu Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.</p>
2	<p>DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA TERENGGANU (S.P.M.T.)</p> <p><i>Panggilan kepada penerima Lelaki / Wanita - Dato'</i></p> <p><i>Panggilan kepada isteri penerima - To' Puan</i></p>	Dato'	<p>Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. TuanKu Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.</p>
3	<p>DARJAH DATO' SETIA SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU (D.S.M.Z.)</p> <p><i>Panggilan kepada penerima Lelaki / Wanita - Dato'</i></p> <p><i>Panggilan kepada isteri penerima - To' Puan</i></p>	Dato'	<p>Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. TuanKu Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.</p>
4	<p>DARJAH DATO' PADUKA MAHKOTA TERENGGANU (D.P.M.T.)</p> <p><i>Panggilan kepada penerima Lelaki / Wanita - Dato'</i></p> <p><i>Panggilan kepada isteri penerima - To' Puan</i></p>	Dato'	<p>Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. TuanKu Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.</p>
5	<p>DARJAH SETIA SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU (S.M.Z.)</p>		<p>Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. TuanKu Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.</p>

BIL.	JENIS BINTANG / PINGAT	PANGGILAN RINGKAS	KELAYAKAN PENERIMA
6	DARJAH SETIA MAHKOTA TERENGGANU (S.M.T.)	-	Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. Tuanku Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.
7	DARJAH AHLI SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU (A.M.Z.)	-	Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. Tuanku Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.
8	DARJAH AHLI MAHKOTA TERENGGANU (A.M.T.)	-	Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang-orang yang bukan anak watan Terengganu juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak oleh KDYMM. Tuanku Sultan dan penghormatan ini hendaklah disifatkan sebagai Ahli Yang Kehormat.
9	PINGAT JASA CEMERLANG (P.J.C.)	-	Orang yang bertaraf Pegawai Tinggi di dalam Perkhidmatan Awam atau orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat, yang telah melakukan dalam negeri terengganu suatu peranan yang merupakan perkhidmatan dan kelakuan cemerlang.
10	PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)	-	Orang-orang yang telah melakukan jasa-jasa keberanian kepada Negeri selain daripada jasa keberanian handal. Yang seumpama itu disifatkan sebagai taat kepada jawatan, termasuk berjawatan dengan jasa-jasa yang terpuji dan pekerti yang baik.


BIL	JENIS BINTANG/PINGAT	PANGGILAN RINGKAS	KELAYAKAN PENERIMA
11	PINGAT BINTANG LAMA BERJAWATAN (B.L.B.)	-	Orang-orang yang berjawatan di dalam Negeri Terengganu yang di dalam darjat Pegawai yang telah berkhidmat selama 21 tahun dengan tidak putus-putus, yang baik pekerti dan rekod jawatannya bersih.
12	PINGAT LAMA BERJAWATAN (P.L.B.)	-	Orang-orang yang di dalam jawatan Kerajaan Negeri Terengganu yang dibawah daripada darjat Pegawai, yang telah berjawatan selama 21 tahun dengan tidak putus-putus, serta tidak mempunyai kesalahan dan mempunyai rekod jawatan yang bersih.

KELANTAN




YB. DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN
 قجابه ستيأوسها كراجآن نكري كلنتن
 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
 NEGERI KELANTAN

Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
 15503 Kota Bharu, Kelantan



SULIT



Ruj Kami : SUK(S) D200/66/31/(2)

Bertarikh : 04 Rejab 1435H

Bersamaan 04 Mei 2014

Kemajlis

- Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan
- Semua Ketua Pengurusan Jabatan Negeri dan Persekutuan
- Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan
- Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Yang DiPertua/Pengerusi Badan-Badan Sukarela

Handwritten notes:
 SUB (P) & T
 SUB (BPO) M
 88

YB Dato'/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tengku/Tuan/Puan,

**PENGURNIAAN KEHORMATAN KEBESARAN
 NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 1435H/2014M**


Handwritten signature: Madinah Binti Mohamad
 9/5

DATUK DR. MADINAH BINTI MOHAMAD

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V telah mengampuni perkenan mengurniakan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan bagi tahun 1435H/2014M iaitu sempena Perayaan Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V Kali Yang Ke 45. Kehormatan Kebesaran yang dikurniakan adalah berupa Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang, Perlantikan Jaksa Pendamai, Pingat-Pingat dan Surat-Surat Kepujian. Jenis-Jenis Kehormatan Negeri Kelantan yang akan dikurniakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Kelantan Bil.1 Tahun 1969 yang dipinda oleh Pekeliling Am Kelantan Bil. 8 Tahun 1969.


2. Di samping Darjah-Darjah yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1969 yang dipinda oleh Pekeliling Am Kelantan Bil. 8 Tahun 1969, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah mengampuni perkenan mewujudkan mulai 1988 satu lagi Darjah Kebesaran Negeri, iaitu Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan yang mengandungi tiga peringkat iaitu :-

Handwritten notes:
 4-5
 16/5



Handwritten signature: SUB (M)

Handwritten signature: 18/5



SUBK(PT)

SULIT

- (i) Peringkat Pertama - Sri Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (S.P.K.K.)
- (ii) Peringkat Kedua - Dato' Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (D.P.K.K.)
- (iii) Peringkat Ketiga - Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (P.K.K.)

Penganugerahan ketiga-tiga peringkat Darjah ini adalah dikhususkan kepada Pegawai-Pegawai dalam Angkatan Tentera sahaja. Sungguhpun begitu Anggota-Anggota Angkatan Tentera terutama dari pangkat lain-lain adalah terus layak dipertimbang untuk dikurniakan Darjah-Darjah Kebesaran lain dan juga Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran.

3. Pencalonan-pencalonan bagi Pegawai Negeri dan Persekutuan serta Anggota-Anggota Badan-Badan Sukarela, Kesenian dan Badan-Badan seumpamanya untuk dipertimbangkan bagi pengurniaan tersebut, adalah dikehendaki dibuat mengikut contoh borang yang dilampirkan bersama-sama ini. Semua pencalonan hendaklah dibuat dalam *1 salinan* bagi tiap-tiap satu pencalonan. ***Kesemua borang pencalonan hendaklah dihantar supaya sampai ke Pentadbiran ini sebelum 31 Julai 2014 .*** Borang-Borang pencalonan yang tidak lengkap, atau diterima selepas tarikh yang ditetapkan ini, tidak akan dipertimbangkan. Ini adalah untuk menentukan bahawa ada cukup masa bagi calon-calon dari kalangan Pegawai-Pegawai Persekutuan ditimbang oleh pihak yang berkenaan, sebelum diangkatkan bagi ampuni perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V. //

4. Ketua-Ketua Jabatan dikehendaki menentukan bahawa urusan *Tapisan Keutuhan* sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 dan kehendak-kehendak dalam Surat Jabatan Perdana Menteri rujukan PM (S) 11262 Jld.IV bertarikh 11hb Januari 1988 dan hendaklah diselesaikan oleh Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan pencalonan berkenaan. Maksud "selesai" di sini ialah Ketua Jabatan haruslah menyelesaikan tapisan keutuhan serta mendapatkan kelulusan Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri bagi pencalonan kepada Pegawai Peringkat Pengurusan Tertinggi dengan salinan surat tersebut ke Pentadbiran ini. Sukacita juga dimaklumkan bahawa pihak Pentadbiran ini hanya akan *memproses pencalonan yang dikemukakan dengan memenuhi kesemua syarat* sebagaimana pekeliling di atas. Namun begitu apa juga hasil tapisan itu tidak patut menghalang Ketua-Ketua Jabatan daripada mengemukakan calon-calon yang difikirkan layak dipertimbang untuk pengurniaan Negeri.

SULIT

5. Dalam memenuhi borang yang tersebut ini, saya juga menarik perhatian Ketua-Ketua Jabatan kepada Bahagian 'F' borang itu, iaitu mengenai jenis-jenis Bintang Kehormatan yang dicadang dikurniakan, serta nama Pegawai-Pegawai yang mencalonkan. Bagi maksud memenuhi Bahagian 'F' ini, maka peraturan berikut hendaklah dipatuhi:-

- (i) Setiausaha Kerajaan akan memenuhi Bahagian 'F' bagi :-
 - (a) Ketua-Ketua Jabatan
 - (b) Calon-calon dari Badan-Badan Sukarela

- (ii) Ketua-Ketua Jabatan hendaklah memenuhi Bahagian 'F' ini bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan di bawahnya.

Kesemua ruangan dalam Borang Pencalonan dikehendaki dipenuhi. Kiranya tiada apa-apa maklumat yang hendak diisikan, perkataan "tiada" hendaklah dinyatakan.

6. Adalah diharapkan bahawa urusan pencalonan ini diberi perhatian sendiri oleh *Ketua-Ketua Jabatan* atau *Ketua-Ketua Badan-Badan Sukarela* masing-masing, bagi menentukan bahawa *calon-calon yang benar-benar berkeelayakan* sahaja yang dikemukakan. Ini adalah bagi menentukan bahawa kurniaan-kurniaan yang dicadang itu adalah benar-benar bagi mereka yang berjasa dan yang telah berkhidmat dengan cemerlangnya. *Semasa membuat perakuan, huraian (write-up) mengenai sumbangan dan pencapaian pegawai yang dicalonkan hendaklah secara ringkas/padat dan tidak mengemukakan terlalu banyak maklumat.* Pencalonan yang telah dikemukakan pada tahun-tahun yang lepas yang masih belum diperkenankan boleh dikemukakan semula sekiranya didapati masih layak. Bagi calon-calon seumpama ini, hujah tambahan patut dikemukakan.

- 6.1 Seseorang yang telah menerima sesuatu kurniaan Negeri hanya boleh dicalonkan semula *selepas lima (5) tahun kurniaan terdahulu.* Seseorang yang pernah *menolak tawaran pengurniaan* tidak perlu dicalonkan semula.

SULIT

6.2 Borang-borang pencalonan hendaklah diisi oleh pegawai yang membuat pencalonan dan ianya hendaklah *dirahsiakan* daripada calon itu sendiri. *Pegawai yang membuat pencalonan hendaklah memastikan bahawa calon berkenaan belum dikumiakan Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat yang dicadangkan.*

7. Ketua-Ketua Jabatan Negeri yang ingin mencalonkan mana-mana Pegawai Kerajaan Persekutuan yang bukan di bawah jagaannya, adalah dikehendaki terlebih dahulu mendapat persetujuan Ketua Jabatannya yang berkenaan sebelum pencalonannya diperbuatkan. Seelok-eloknya patutlah Ketua-Ketua Jabatan Negeri mengemukakan cadangan pencalonan yang dimaksudkan itu kepada Ketua Jabatan bagi Pegawai tersebut untuk pertimbangannya dan kiranya difikirkan layak boiehlah Ketua Jabatan yang berkenaan itu mencalonkan terus ke Pentadbiran ini.


8. Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan bolehlah juga mencalonkan mana-mana orang lain yang bukan Pegawai Kerajaan yang telah memberi satu-satu pertolongan yang istimewa atau pertolongan secara berpanjangan kepada Jabatannya atau kepada mana-mana perkhidmatan yang diberi oleh Jabatannya masing-masing.

Sekian, terima kasih.

*** ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI ***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***

Dengan hormatnya,


DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT, D.P.S.K. (Kelantan)
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN

sk:

Yang Berhormat Dato' Perwira Raja
Setiausaha Suiit Kepada
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V
Pejabat Suiitan Kelantan
Istana Baijai Besar
15500 Kota Bharu

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PERKELILING AM BIL. 8 TAHUN 1969
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN
NEGERI KELANTAN

Asas Bagi Pengurniaan dan Pencalunan
(PINDAAN)

Adalah saya diarah merujuk kepada Perkeliling Am Bil. 1 Tahun 1969, berkenaan dengan perkara di atas dan khususnya berkenaan dengan perkara di atas Pegawai-Pegawai untuk dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahimi) bagaimana yang diuraikan didaiaam Bahagian D daripada hujung ' A ' kepada Perkeiling tersebut.

2. Adalah didapati sekarang bahawa ada sedikit kesilapan berkenaan dengan syarat kelayakan bagi penganugerahan Darjah 'B.S.K' yang mana hendaklah dipinda seperti berikut :-

- a). Batalkan perenggan (e) (ii) – B.S.K.
- b). Sebagai menggantinya hendaklah dimasukkan perenggan berikut :-
 - (ii) B.S.K. – Mereka yang dimasuk menjadi anggota peringkat ini adalah Pegawai-Pegawai Tadbir Kelantan, Darjah II dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang lain, daripada Bahagian I di dalam Tingkatan Tertinggi G – J dan Major, Lt. Kol. daripada Pasukan Infanteri atau pangkat yang sama daripada cawangan-cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.

Dengan perintah,

t.t xxxx.
(Dato' Abdul Malek)
b.p : SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN.

KOTA BHARU : 25hb. R' Awal 1389
10hb. Jun 1969

KEPADA : Semua Ketua-Ketua Pejabat Negeri dan Persekutuan.

SALINAN KEPADA :

Dato' Setiausaha Sulit Kebawah DYMM Al-Sultan
Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia
Setiausaha-Setiausaha Tetap/Setiausaha-Setiausaha
Kementerian-Kementerian Malaysia.

SUK.KN. 22/69/ (6).

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PERKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1969
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN
NEGERI KELANTAN.

Asas Bagi Pengurniaan Dan Pencalunan

1. Perkeliling ini adalah dikeluarkan khasnya bagi panduan kepada Pihak-Pihak yang berkuasa mencalon Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan (baik Negeri mahupun Persekutuan) termasuk Jabatan-Jabatan, Kementerian-Kementerian, Badan-Badan Berkanun, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan Bahagian-Bahagian berkenaan dalam Angkatan Bersenjata, untuk mencalon Pegawai-Pegawai dan Kakitangan di bawah jagaan dan kawaian mereka untuk dianugerahkan Kehormatan-Kehormatan Negeri Kelantan yang terdiri daripada Darjah Kebesaran Negeri, Bintang, Pingat dan surat Kepujian.
2. Dengan tujuan ini maka dijemput perhatian mereka sekalian kepada DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA KELANTAN YANG AMAT TERBILANG (AL-IBRAHIMI) yang telah ditubuh dalam tahun 1967 bagi maksud mengiktiraf perkhidmatan berbakti dan cemerlang yang dilaksanakan kepada Negeri Kelantan oleh Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan khasnya dan Pegawai-Pegawai Kerajaan yang lain daripada Jabatan-Jabatan dan Badan-Badan yang tersebut di atas pada amnya. Panduan tentang syarat-syarat kelayakan bagi penganugerahan Darjah Kebesaran ini adalah disenaraikan di Bahagian ' D ' di Hujung A.
3. Darjah Kebesaran ini pada amnya adalah dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai Kanan dan dengan ini dijemput juga perhatian Pegawai-Pegawai yang mencalon kepada jenis-jenis Kehormatan yang lain seperti Bintang, Pingat dan Surat Kepujian bagaimana yang di tunjukkan di ruangan 5 daripada Hujung B yang disusun (mengikut nama rengkasnya) bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan berpangkat rendah.

Dengan perintah,

t.t.x.x
(Dato' Abdul Maiek)
b.p : SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN.

KOTA BHARU : 20hb. Januari 1969

KEPADA : Semua Ketua-Ketua Pejabat Negeri dan Persekutuan.

SALINAN KEPADA : Dato' Setiausaha Sulit Kebawah DYMM Al-Suitan
Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia
Setiausaha-Setiausaha Tetap/Setiausaha-Setiausaha
Kementerian-Kementerian Malaysia.

SUK.KN. 22/69/ (1).

BAHAGIAN ' A '

DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (D.K) (AL-YUNUSI)

- (a) Darjah Kebesaran ini di zahirkan dalam tahun 1916 dan dianugerahkan kepada Kerabat-Kerabat D'Raja serta kepada orang-orang yang bertaraf tinggi dan ternama yang telah membuat kebaktian yang cemerlang kepada Negeri Kelantan.
- (b) Keanggotaan Darjah Kebesaran ini adalah juga dianugerahkan kepada Raja-Raja Pemerintah dan Kerabat D'Raja daripada Luar Negeri.
- (c) Darjah Kebesaran ini mempunyai satu peringkat sahaja.
- (d) Keanggotaan Darjah Kebesaran ini adalah disekatkan kepada bilangan berikut :-
 - (i) Ahli-Ahli Biasa - 25
 - (ii) Ahli-Ahli Kehormat - Tiada Sekatan.

BAHAGIAN ' B '

DARJAH KEBESARAN MAHKOTA KELANTAN YANG AMAT MULIA
(AL-MUHAMMADI)

- (a) Darjah Kebesaran ini dizahirkan dalam tahun 1916 dan keanggotaannya dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti dan cemerlang kepada Negeri Kelantan.
- (b) Darjah Kebesaran ini mempunyai tiga peringkat dengan sekatan bilangan ahli-ahlinya bagaimana berikut :-
 - (i) Peringkat Pertama - Seri Paduka Mahkota Kelantan - S.P.M.K. atau Al-Muhammadi I. (sekatan - 40 orang)
 - (ii) Peringkat Kedua - Dato' Paduka Mahkota Kelantan - D.P.M.K. atau Al-Muhammadi II. (sekatan - 60 orang)
 - (iii) Peringkat Ketiga - Paduka Mahkota Kelantan - P.M.K. atau Al-Muhammadi III. (tiada sekatan).

- (c) Tiada sekatan bagi bilangan Ahli-Ahli Yang Kehormat.
- (d) Syarat-syarat kelayakan bagi penganugerahan adalah bagaimana di sebut di bawah ini :-
- (i) P.M.K. - Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah mereka (lelaki dan perempuan) yang telah membuat jasa mengikut garis yang diuraikan dalam perenggan (a) dan jika mereka itu terdiri daripada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan maka taraf jawatannya hendaklah, lazimnya dalam Bahagian I dan jika daripada orang awam hendaklah taraf dan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat seimbang dengan taraf Pegawai Kerajaan yang disebut di atas.
 - (ii) D.P.M.K. - Keanggotaan Peringkat ini, lazimnya disifatkan sebagai kenaikan pangkat daripada Peringkat Ketiga dan lazimnya ditimbang selepas seseorang yang menyandang Peringkat Ketiga itu menjadi anggota Peringkat tersebut se lama tidak kurang daripada 5 tahun. Ahli lelaki yang dianugerahkan keanggotaan ini berhak menggunakan gelaran ' DATO ' dihadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita-wanita yang dianugerahkan keanggotaan peringkat ini berhak mendapat gelaran ' DATIN '.
 - (iii) S.P.M.K. - Kelayakan dan hak-hak bagi keanggotaan peringkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi D.P.M.K. di atas.
 - (iv) Penganugerahan Darjah Kebesaran ini adalah terkena kepada syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan menggunakan hak mutlak Baginda boleh mengurniakan keanggotaan secara langsung kepada Peringkat Kedua atau Peringkat Pertama.

BAHAGIAN ' C '

DARJAH KEBESARAN JIWA MAHKOTA KELANTAN YANG AMAT MULIA - (AL ISMAILI)

- (a) Darjah Kebesaran ini dizahirkan dalam tahun 1925 dan keanggotaannya dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti dan cemerlang kepada singgahsana dan juga kepada mereka yang menyumbang perkhidmatan yang gemilang dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan kesenian.
- (b) Darjah Kebesaran ini mempunyai tiga peringkat dengan sekatan bilangan ahli-ahlinya bagaimana berikut :-

(i) Peringkat Pertama - Seri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan
S.J.M.K. atau Al-Ismaili I
(sekatan - 50 orang)

(ii) Peringkat Kedua - Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan
D.J.M.K. atau Al-Ismaili II.
(sekatan - 75 orang).

(iii) Peringkat Ketiga - Setia Jiwa Mahkota Kelantan
J.M.K atau Al-Ismaili III.
(tiada sekatan).

(c) Tiada sekatan bagi bilangan Ahli-Ahli Yang Kehormat.

(d) Syarat-syarat keiayakan adalah disebutkan dibawah ini :-

(i) J.M.K - Mereka yang dimaksudkan menjadi anggota peringkat ini adalah mereka, lelaki atau perempuan yang telah membuat jasa mengikut garisan yang dihuraikan dalam perenggan (a) dan jika mereka itu terdiri daripada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, maka taraf jawatannya hendaklah lazimnya dalam Bahagian I dan jika daripada orang awam hendaklah taraf dan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat berseimbang dengan taraf Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang disebut di atas.

(ii) D.J.M.K - Keanggotaan peringkat ini, lazimnya disifatkan sebagai kenaikan pangkat daripada Peringkat Ketiga dan lazimnya juga ditimbang selepas seseorang yang menyandang Peringkat Ketiga itu menjadi anggota Peringkat tersebut selama tidak kurang 5 tahun. Ahli lelaki yang dianugerahkan keanggotaan ini berhak mengguna gelaran 'DATO' dihadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita-wanita yang dianugerahkan Peringkat ini berhak mendapat gelaran ' DATIN '.

(iii) S.J.M.K - Kelayakan dan hak-hak bagi keanggotaan keperingkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi D.J.M.K di atas.

(iv) Penganugerahan Darjah Kebesaran ini adalah terkena kepada syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan menggunakan hak mutlak Baginda boleh mengurniakan secara langsung keanggotaan kepada Peringkat Kedua atau Peringkat Pertama.

BAHAGIAN ' D '

DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA KELANTAN YANG AMAT TERBILANG - (AL ABRAHIMI)

- (a) Darjah Kebesaran ini dizahirkan dalam tahun 1967 dan keanggotaannya dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan (termasuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata dan Polis), Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Badan-Badan Berkanun dan Pihak-Pihak yang Berkuasa Tempatan yang telah membuat dan menujuk taat setia dan membuat perkhidmatan berbakti didaiam tugasnya sebagai Pegawai-Pegawai dan Kakitangan tersebut.
- (b) Darjah Kebesaran ini mempunyai lima peringkat dengan sekatan bilangan ahli-ahlinya bagaimana berikut :-
- (i) Peringkat Pertama - Dato' Sri Paduka Setia Mahkota Kelantan - S.P.S.K atau Al Ibrahimi I.
(sekatan 50 orang)
 - (ii) Peringkat Kedua - Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan D.P.S.K atau Ai Ibrahimi II.
(sekatan - orang)
 - (iii) Peringkat Ketiga - Paduka Setia Mahkota Kelantan P.S.K atau Al Ibrahimi III.
(tiada sekatan)
 - (iv) Peringkat Keempat - Bentara Setia Mahkota Kelantan B.S.K atau Ai Ibrahimi IV.
(tiada sekatan)
 - (v) Peringkat Kelima - Ahli Setia Mahkota Kelantan A.S.K atau Ai Ibrahimi V.
(tiada sekatan)

- (c) Tiada sekatan bagi bilangan Ahli-Ahli Yang Kehormat.
- (d) Mengikut Undang-Undang Darjah Kebesaran ini ada tertubuh jua satu Pingat yang digelar PINGAT SETIA MAHKOTA KELANTAN (P.S).
- (e) Syarat-syarat kelayakan adalah disebutkan dibawah ini :-

- (i) A.S.K - Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang lain, daripada Bahagian I dan Kapten, Leftenan dan Leftenan Muda daripada Pasukan Infentri atau pangkat yang sama dalam Cawangan-Cawangan Angkatan Bersenjata yang lain-lain dan Polis.
- (ii) B.S.K - Mereka yang dimasuk menjadi anggota peringkat ini adalah Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan Darjah II dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang lain, daripada Bahagian I didalam Tingkatan Tertinggi G – J dan Major daripada Pasukan Infentri atau pangkat yang sama daripada Cawangan-Cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.
- (iii) P.S.K - Mereka yang dimasuk menjadi anggota peringkat ini adaiah Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan, Darjah II ke atas dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Bahagian I, dalam Tingkatan Tertinggi F ke atas dan Kolonei ke atas daripada Pasukan Infentri atau pangkat yang sama dalam Cawangan-Cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.
- (iv) D.P.S.K - Keanggotaan peringkat ini adalah lazimnya disifat sebagai kenaikan pangkat daripada Peringkat Ketiga dan lazimnya ditimbang seiepas seseorang yang menyandang Peringkat Ketiga itu menjadi anggota peringkat tersebut seilama tidak kurang 5 tahun. Ahli-Ahli yang dianugerahkan keanggotaan ini berhak mengguna gelaran ' DATO ' dibahagian hadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita-wanita yang dianugerah peringkat ini berhak mendapat gelaran 'DATIN'.

- (v) S.P.S.K - Kelayakan dan hak-hak keanggota keperingkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi D.P.S.K di atas.
- (vi) Penganugerahan Darjah Kebesaran ini adalah terkena kepada syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan mengguna hak mutlak Baginda boleh mengurniakan secara langsung keanggotaan kepada Peringkat Kedua atau Peringkat Pertama.
-

BAHAGIAN ' E '

DARJAH PAHLAWAN YANG AMAT GAGAH PERKASA (P.Y.G.P)

- (a) Darjah ini dizahirkan dalam tahun 1919 untuk dianugerahkan bagi kegagahan yang sangat tinggi mutunya dan keberanian yang cemerlang yang dibuat dalam dan bagi Negeri Kelantan dalam keadaan penuh dengan bahaya, kepada orang-orang awam dan juga kepada anggota Angkatan Bersenjata dan Polis.
- (b) Darjah ini boleh juga dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah meninggal dunia.
-

BAHAGIAN ' F '

BINTANG-BINTANG KEHORMATAN

I. 'SRI MAHKOTA KELANTAN' (S.M.K)

- (a) Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1916 bagi dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia yang kurang darjahnya untuk dianugerahkan P.M.K.
- (b) Bintang ini adalah juga dianugerahkan untuk mengiktirafkan jasa perkasa dan keberanian yang kurang mutunya daripada P.Y.G.P.

II. 'SRI KELANTAN' (S.K)

- (a) Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1916 dan dianugerahkan kepada mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti dan cemerlang serta taat setia sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang. Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang dianugerahkan Bintang ini hendaklah terdiri daripada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Bahagian II.

- (b) Bintang-Bintang ini lazimnya dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai yang berpakaian seragam daripada Perkhidmatan Awam dan jika mereka itu terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata maka pangkatnya hendaklah kurang daripada Leftenan Muda atau pangkat yang sama didalam cawangan-cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.

III. 'AHLI KELANTAN' (A.K)

- (a) Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti dan cemerlang sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia yang kurang darjahnya untuk dianugerahkan J.M.K.
-

BAHAGIAN ' G '

PINGAT KEHORMATAN

I. 'PINGAT BAKTI' (P.B)

- (a) Pingat ini dizahirkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan bagi mengiktiraf perkhidmatan berbakti kepada singgashana dan perkhidmatan dalam lapangan perkhidmatan sukarela yang kurang darjahnya bagi dianugerahkan Bintang A.K.

II. 'PINGAT SETIA MAHKOTA KELANTAN' (P.S)

- (a) Bagaimana yang tersebut di perenggan (d) daripada Bahagian 'D' Pingat ini dizahirkan didalam tahun 1967 dan dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan didalam Bahagian III dan IV yang telah membuat perkhidmatan berbakti.

III. 'PINGAT TAAT' (P.T)

- (a) Pingat ini ditubuhkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dalam Bahagian III dan IV yang telah menunjukkan taat setia dalam perkhidmatannya.
- (b) Pingat ini dikurniakan selepas seseorang Pegawai atau kakitangan Kerajaan itu memenuhi tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 15 tahun.

IV. 'PINGAT PERANGAI BAIK' (P.P.B)

- (a) Pingat ini ditubuhkan dalam tahun 1939 dan dianugerahkan kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dalam Bahagian III dan IV yang telah menunjukkan perangai yang baik semasa perkhidmatannya.
- (b) Pingat ini dikurniakan selepas seseorang Pegawai atau kakitangan itu memenuhi tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun.

V. 'SURAT KEPUJIAN'

Surat Kepujian dikurniakan kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta orang-orang awam yang telah membuat perkhidmatan berbakti secara am kepada Negeri dan yang tarafnya kurang daripada mereka-mereka yang berhak ditimbang bagi dianugerahkan Pingat-Pingat.

*Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan.*

KATEGORI PENERIMA DARJAH

BIL	DARJAH, BINTANG, PINGAT	PENYANDANG
1.	D.K.	Raja-Raja Dan Kerabat Kanan
2.	S.P.M.K.	Timbalan Perdana Menteri, Ketua Hakim Negara
3.	S.J.M.K.	Menteri Besar, Ketua Setiausaha Kementerian
4.	S.P.K.K.	Tentera
5.	S.P.S.K.	Setiausaha Kerajaan, Ketua Pengarah, Naib Canselor
6.	P.Y.G.P	Mereka yang menunjukkan keberanian, kegagahan yang amat tinggi mutunya dari kalangan Pasukan Keselamatan dan orang awam
7.	D.P.M.K.	Hakim Mahkamah Tinggi, Pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai Kanan Polis
8.	D.J.M.K.	Ahli Politik, Ahli Perniagaan
9.	D.P.K.K.	Tentera
10.	D.P.S.K.	Pegawai Kerajaan Gred 54 Ke Atas
11.	P.M.K.	Pegawai Kanan Kerajaan
12.	J.M.K.	Ahli Politik, Ahli Perniagaan
13.	P.K.K.	Tentera
14.	P.S.K.	Pegawai Kerajaan Gred 48-52
15.	B.S.K.	Pegawai Kerajaan Gred 44-48
16.	A.S.K.	Pegawai Kerajaan Gred 41
17.	S.M.K.	Pegawai Kerajaan Gred 36 Ke Atas, Pemimpin Tempatan
18.	S.K.	Pegawai Kerajaan Gred 32, Pemimpin Tempatan
19.	A.K.	Pegawai Kerajaan Gred 26-29, Pemimpin Tempatan
20.	J.P	
21.	P.B.	Pegawai Kerajaan Gred 22, Pemimpin Tempatan
22.	P.S.	Pegawai Kerajaan Gred 17 Ke Atas
23.	P.T.	Pegawai Kerajaan Gred 11 Hingga 17
24.	P.P.B.	Pegawai Kerajaan Gred 1 Ke Atas
25.	SURAT KEPUJIAN	Pegawai Kerajaan Gred 1 Ke Atas

PANDUAN BAGI PENGANUGERAHAN KEHORMATAN
(Diatur mengikut susunan kekananan)

JENIS	BAGI RAJA- RAJA Pemerintah Dan Kerabat D'RAJA	BAGI PERKHIDMATAN DALAM NEGERI	BAGI PERKHIDMATAN KERANA SINGGAHSANA PERNIAGAAN, PERUSAHAAN DAN KESENIAN	BAGI PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA	BAGI PERKHIDMATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM, TENTERA DAN POLIS	BAGI PERKHIDMATAN PERKASA
DARJAH KEBESARAN DAN DARJAH PERKASA	1. D.K	-	-	-	-	-
	-	2. S.P.M.K	-	-	-	-
	-	-	3. S.J.M.K.	4. S.P.K.K.	-	-
	-	-	-	-	5. S.P.S.K.	-
	-	7. D.P.M.K.	-	-	-	6. P.Y.G.P.
	-	-	8. D.J.M.K.	9. D.P.K.K.	-	-
	-	-	-	-	-	-
	-	11. P.M.K.	12. J.M.K.	13. P.K.K.	10. D.P.S.K.	-
	-	-	-	-	-	-
	-	-	-	-	14. P.S.K. 15. B.S.K. 16. A.S.K.	-
	-	17. S.M.K.	-	-	18. S.K.	-
BINTANG	-	-	19. A.K.	-	-	-
PINGAT	-	20. P.B.	20. P.B.	-	21. P.S. 22. P.T. 23. P.P.B.	-
	-	-	-	-	-	-
	-	-	-	-	-	-
SURAT KEPUJIAN	-	24. SURAT KEPUJIAN	24. SURAT KEPUJIAN	-	24. SURAT KEPUJIAN	-
	-	-	-	-	-	-

LAMPIRAN A

MAKLUMAT MENGENAI DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima	
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P				
1.	Seri Paduka Mahkota Kelantan (A-Muhammadi)	SPMK	Lelaki: Dato' Wanita: Dato' Isteri: Datin Suami: Tiada	✓							1916		Kelayakan dan hak-hak bagi keanggotaan peringkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi D.P.M.K
2.	Dato' Paduka Mahkota (Al-Muhammadi II)	DPMK	Lelaki: Dato' Wanita: Dato' Isteri: Datin Suami: Tiada		✓						1916		Keanggotaan peringkat ini, lazimnya, disifatkan sebagai kenaikan pangkat daripada peringkat Ketiga dan lazimnya ditimbang selepas seseorang yang menyandang, Peringkat Ketiga itu menjadi anggota Peringkat tersebut selama tidak kurang daripada 5 tahun. Ahli laki-laki yang dianugerahkan keanggotaan in berhak

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima	
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P				
			Suami/Isteri										mengguna gelaran 'Dato' di hadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita yang dianugerahkan keanggotaan peringkat ini berhak mendapat gelaran 'Datin'
3.	Paduka Mahkota Kelantan (Al-Muhammadi III)	PMK	Tiada			✓				1916			Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah mereka laki-laki atau perempuan, yang telah membuat jasa mengikut garisan yang di hurai dalam perenggan (a) dan jika mereka itu terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan maka taraf jawatannya hendaklah, lazimnya dalam Bahagian 1 dan jika daripada orang

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah							Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima	
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P				
													awam hendaklah taraf dan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat berseimbang dengan taraf pegawai kerajaan yang tersebut di atas.
4.	Seri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (Al-Isma'ili I)	SJMK	Lelaki: Dato' Wanita: Dato' Isteri: Datin Suami: Tiada	✓							1925		Kelayakan dan hak-hak bagi keanggotaan ke peringkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi D.J.M.K.
5.	Dato' Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (Al-Yahyawi II)	DJMK	Lelaki: Dato' Wanita: Dato' Isteri: Datin Suami: Tiada		✓						1925		Keanggotaan peringkat ini lazimnya disifatkan sebagai kenaikan pangkat daripada Peringkat Ketiga dan lazimnya juga ditimbang selepas seseorang yang menyandang Peringkat Ketiga itu menjadi anggota Peringkat tersebut selama

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
6.	Setia Jiwa Mahkota Kelantan (Al-Isma'ili III)	JMK	Tiada							1925		tidak kurang 5 tahun. Ahli laki-laki yang di anugerahkan keanggotaan ini berhak menggunakan gelaran 'Dato' dihadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita-wanita yang di anugerahkan Peringkat ini berhak mendapat gelaran 'DATIN'. Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah mereka laki-laki atau perempuan, yang telah membuat jasa mengikut garisan yang dihuraiikan dalam perenggan (a) dan jika mereka itu terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah							Tarikh Dizahir kan	Tarikh Diwart kan	Kriteria Penerima						
	Jenis	Huruf Ringkas		Suami/Isteri	KD	BD	LD	SD	B	P									
																			Kerajaan, maka taraf jawatannya hendaklah lazimnya, dalam Bahagian 1 dan jika daripada orang awam hendaklah taraf dan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat berseimbangan dengan taraf pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang disebut di atas.
7.	Seri Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (Al-Yahyawi I)	SPKK	Lelaki : Dato' Wanita: Dato' Isteri : Datin Suami : Tiada	✓								1988							
8.	Dato' Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (Al-Yahyawi II)	DPKK	Lelaki : Dato' Wanita: Dato' Isteri : Datin Suami : Tiada	✓								30.03.19 88							

Bil.	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Dijawarkan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
9.	Paduka Kesateria Mahkota Kelantan (Al-Yahyaw I)	PKK	Tiada			✓				30.03.19 88		
10.	Seri Paduka Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi I)	SPSK	Lelaki : Dato' Wanita : Dato' Isteri : Datin Suami : Tiada	✓						1967		Kelayakan dan hak-hak keanggotaan keperingkat ini adalah bagaimana cara-cara dan syarat-syarat serta hak-hak yang disebutkan bagi DPSK.
11.	Dato' Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi II)	DPSK	Lelaki : Dato' Wanita: Dato' Isteri : Datin Suami : Tiada		✓					1967		Keanggotaan peringkat ini adalah lazimnya di sifat sebagai kenaikan pangkat daripada peringkat ketiga dan lazimnya ditimbang selepas seseorang yang menyandang Peringkat Ketiga itu menjadi anggota peringkat tersebut selama tidak kurang 5 tahun. Ahli-ahli yang

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah					Tarikh Dizahir kan	Tarikh Diwarti kan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B			
											dianugerahkan keanggotaan ini berhak mengguna gelaran 'DATO' dibahagian hadapan namanya sementara isteri-isteri mereka atau wanita-wanita yang dianugerahkan peringkat ini berhak mendapat gelaran 'DATIN'
12.	Paduka Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi III)	PSK	Tiada			✓			1967		Mereka yang dimasuk menjadi anggota peringkat ini adalah pegawai-pegawai Tadbir Kelantan, Darjah 1B keatas dan pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian 1, dalam Tingkatan Tertinggi F keatas dan kolonel keatas daripada pasukan Infentri atau pangkat yang sama dalam cawangan-cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan polis.

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
13.	Bentara Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi IV)	BSK	Tiada			✓				1967		Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah pegawai-pegawai Kelantan Darjah II dan Pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain daripada bahagian I di dalam Tingkatan Tinggi G-J dan major daripada Pasukan Infentri atau pangkat yang sama daripada cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.
14.	Ahli Setia mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi V)	ASK	Tiada			✓				1967		Mereka yang dimasukkan menjadi anggota peringkat ini adalah Pegawai-pegawai Kelantan Darjah II dan pegawai-pegawai dan kakitangan

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	ID	SD	B	P			
												yang lain daripada Bahagian I dan Kaptan, Leftenan dan Leftenan Muda daripada pasukan Infentri atau pangkat yang sama dalam cawangan-cawangan Angkatan Bersenjata yang lain-lain dan Polis,
15.	Seri Mahkota Kelantan	SMK	Tiada						1967			a) Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1916 bagi dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perhidmatan berbakti sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia yang kurang darjahnya untuk dianugerahkan P.M.K. b) Bintang ini adalah juga dianugerahkan untuk

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
16.	Seri Kelantan	SK	Tiada							1916		<p>mengiktiraf jasa perkasaa dan keberanian yang kurang mutunya daripada P.Y.G.G.</p> <p>a) Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1916 dan dianugerahkan kepada mereka yang telah membuat perkhidmatan berbakti dan cemerlang serta taat setia sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang dianugerahkan Bintang ini hendaklah terdiri daripada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Bahagian II.</p>

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahir kan	Tarikh Diwarta kan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
												<p>b) Bintang-bintang ini lazimnya dianugerahkan kepada pegawai-pegawai yang berpakaian seragam daripada Perkhidmatan Awam dan jika mereka itu terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata maka pangkatnya hendaklah kurang daripada Leftenan Muda atau pangkat yang sama di dalam cawangan-cawangan Angkatan Bersenjata yang lain dan Polis.</p>
17.	Ahli Kelantan	AK	Tiada							1925		<p>Bintang ini dizahirkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan kepada mereka-mereka yang telah membuat perkhidmatan</p>

Bil	Kuruaian		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahir kan	Tarikh Diwarta kan	Kriteria Penerima	
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P				
18.	Pingat Bakti	PB	Tiada								1925		berbakti dan cemerlang sebagaimana yang dimaksudkan bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia yang kurang darjahnya untuk dianugerahkan J.M.K.
19.	Pingat Setia Mahkota Kelantan	PS	Tiada								1967		Pingat ini dizahirkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan bagi mengiktiraf perkhidmatan berbakti kepada singgahsana dan perkhidmatan dalam lapangan perkhidmatan sukarela yang kurang darjahnya.
													Bagaimana yang tersebut di perenggan (d) daripada Bahagian 'D' Pingat ini dizahirkan di dalam tahun

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		Suami/Isteri	KD	BD	LD	SD	B			
												1967 dan dianugerahkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di dalam Bahagian III dan IV yang telah membuat perkhidmatan berbakti.
20.	Pingat Taat	PT	Tiada							1925		<p>a) Pingat ini ditubuhkan dalam tahun 1925 dan dianugerahkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian III dan IV yang telah menunjukkan taat setia dalam perkhidmatannya.</p> <p>b) Pingat ini dikurniakan selepas seseorang pegawai kakitangan kerajaan itu memenuhi tempoh perkhidmatan tidak</p>

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah						Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P			
												kurang daripada 15 tahun.
21.	Pingat Perangai Baik	PPB	Tiada							1925		<p>a) Pingat ini ditubuhkan dalam tahun 1939 dan dianugerahkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam bahagian III dan IV yang telah menunjukkan perangai yang baik semasa perkhidmatannya.</p> <p>b) Pingat ini dikurniakan selepas seseorang pegawai kakitangan itu memenuhi tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun.</p>

Bil	Kurniaan		Panggilan Kehormat	Komponen Darjah							Tarikh Dizahirkan	Tarikh Diwartakan	Kriteria Penerima
	Jenis	Huruf Ringkas		KD	BD	LD	SD	B	P				
22.	Surat Kepujian	-	Tiada										Surat dikurniakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang-orang awam yang telah membuat perkhidmatan berbakti secara am kepada Negeri dan yang tarafnya kurang daripada mereka-mereka yang berhak ditimbang bagi dianugerahkan Pingat-pingat.